PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

HARI KHAMIS : 27 JULAI 2017

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.9 HINGGA NO. 106)

[SOALAN NO. 1 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.28, NO.32, NO.71, NO.83]

[SOALAN NO.3 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.103]

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA

SOALAN (9)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	27 JULAI 2017 [KHAMIS]
DARIPADA	:	YB. DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI]

SOALAN :-

YB. Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan **kedudukan pembinaan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan Perbandaran Sandakan, terutamanya Kawasan Batu Sapi.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah membina sebanyak 7 Program Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan perbandaran Sandakan yang melibatkan sebanyak 4,180 unit rumah PPR. PPR Batu Sapi telah siap dibina pada 30 Disember 2015 dan telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk tujuan pengisian. PPR Batu Sapi ini melibatkan pembinaan sebanyak 180 unit rumah pangsa 5 tingkat berserta kemudahan dengan kos projek berjumlah RM31.25 juta.

		JUMLAH UNIT	DIISI	KOSONG	PPR DISEWA/ DIMILIKI	KOS PEMBINAAN (RM)	KAWASAN PARLIMEN
	SABAH	4,180	3,650	530			
1	PPR BATU 4, SANDAKAN	1,000	1,000	0	Disewa	61,501,500.90	SANDAKAN
2	PPR ARMY CAMP, SANDAKAN	500	500	0	Disewa	35,641,000.00	SANDAKAN
3	PPR PEKAN MUHIBBAH, SANDAKAN, SABAH	500	360	140	Disewa	75,000,000.00	SANDAKAN
4	PPR TAMAN HARMONI SANDAKAN	1,000	650	350	Dimiliki	165,000,000.00	SANDAKAN
5	PPR GUM-GUM, SANDAKAN	500	500	0	Disewa	33,575,000.00	LIBARAN
6	PPR LINTAS SIBUGA	500	500	0	Disewa	62,500,000.00	LIBARAN
7	PPR BATU SAPI	180	140	40	Disewa	31,250,000.00	BATU SAPI
					JUMLAH	464,467,500.90	

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, daripada 180 unit PPR Batu Sapi, sebanyak 140 unit telah diisi dan baki 40 unit dalam proses pengisian oleh Kerajaan Negeri.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

SOALAN NO: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN N. SURENDRAN A/L K. NAGARAJAN [PADANG SERAI]**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017**
SOALAN	:	**10**

YB Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membolehkan rakyat Malaysia yang tidak mampu dan yang bukan kakitangan kerajaan untuk menerima rawatan perubatan percuma di Institut Jantung negara (IJN) termasuk bagi pembedahan dan kesemua prosedur medical yang penting.

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak penubuhan Institut Jantung Negara (IJN) pada tahun 1992 , IJN telah memberikan rawatan untuk semua rakyat Malaysia, dari setiap kategori pesakit, termasuk kakitangan, pesara dan tanggungan kerajaan persekutuan dan juga pesakit kurang mampu di bawah tanggungan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Di dalam kes-kes kecemasan, pihak IJN senantiasa memberikan perkhidmatan sewajarnya tanpa mengira latar belakang sosio-ekonomi, kaum atau kedudukan. KKM sememangnya telah dan akan terus memberikan perkhidmatan kesihatan bersubsidi tinggi kepada golongan miskin dan tidak mampu

untuk menerima rawatan di Institut Jantung Negara (IJN). Walau bagaimanapun ianya perlulah melalui pengesahan Laporan Penilaian Sosio-Ekonomi oleh pegawai sosial perubatan di hospital KKM bagi menentukan kesahihan tahap ketidakmampuan mereka. Sekiranya didapati benar-benar tidak mampu, pesakit layak menerima rawatan percuma jika rawatan sedemikian tidak dapat dijalankan oleh pakar di Pusat Rawatan Jantung KKM. Prosedur serupa juga dijalankan bagi kakitangan kerajaan di mana hanya kes-kes kompleks dan tidak dapat dirawat di Pusat Rawatan Jantung KKM akan dirujukkan ke IJN. Perkara ini dijelaskan dalam garispanduan **Panduan Mengenai Kemudahan Di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd (IJNSB) Bagi Golongan Pesakit Di Bawah Tanggungan Kerajaan Persekutuan - Kemudahan Perubatan Bagi Pegawai Kerajaan,** bertarikh 16 September, 1997.

IJN sangat berbangga dan berbesar hati untuk terus terlibat di dalam memberi perkhidmatan terbaik dan berharap usaha murni ini akan diteruskan pada masa hadapan bagi membantu pesakit-pesakit kurang mampu untuk mendapatkan rawatan perubatan terbaik di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

IJN perlu mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 tahun 2009 dan bekerjasama dengan Unit Taksiran Khas Kementerian Kesihatan Malaysia (UTKKKM) yang telah ditempatkan di IJN. UTKKKM bertanggungjawab menaksir latar belakang sosio-ekonomi pesakit kurang mampu untuk memberi bantuan bagi mendapatkan

rawatan di IJN. Segala urusan penajaan bagi kategori kurang mampu ini adalah dibawah kawalan Kementerian Kesihatan menerusi UTKKKM.

Rangkuman golongan pesakit kurang mampu yang terdiri dari pelbagai kaum di Malaysia yang menerima rawatan di IJN melalui subsidi yang diberikan kerajaan, mencerminkan usaha murni kerajaan yang mendahulukan kepentingan rakyat tanpa mengira batasan bangsa,kaum atau agama dan usaha ini semakin bermakna dalam menangani keadaan dimana kos sara hidup yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. IJN sentiasa menyokong seruan kerajaan agar "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Dato' Seri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah**
KAWASAN	:	**MUKAH**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017**
NO. SOALAN	:	**11 (PR-1352-L01622)**

SOALAN

Dato' Seri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah proaktif Kerajaan dalam menggalakkan ekosistem aeroangkasa sebagai usaha bagi mempercepatkan pembangunan rantaian bekalan domestik seiring dengan inisiatif industri 4.0 dalam meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Industri aeroangkasa negara telah menunjukkan prestasi yang sangat positif pada tahun 2016 yang mana ianya telah menjana pendapatan sebanyak RM12.7 bilion walaupun berhadapan dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu. Sektor pembuatan aeroangkasa telah menunjukkan pertumbuhan yang sangat memberangsangkan merangkumi pembuatan aerostruktur, avionik dan enjin-aeroangkasa

dengan hasil pendapatan mencecah RM6.4 bilion iaitu peningkatan sebanyak 11% berbanding tahun 2015. Sektor penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) pula mencatat pendapatan kedua terbanyak bernilai RM5.7 yang merangkumi *airframe*, enjin dan komponen aeroangkasa. Jumlah eksport aeroangkasa pada tahun 2016 bernilai RM5.53 bilion merupakan nilai eksport aeroangkasa terbesar dalam sejarah dan ianya menunjukkan peningkatan sebanyak 32.6% berbanding tahun 2015. Pencapaian terbaik ini menunjukkan keyakinan pemain industri aeroangkasa global terhadap keupayaan ekosistem aeroangkasa Malaysia. Antara produk-produk aeroangkasa yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat Malaysia termasuklah *Fan Cowl*, *Fan Casing*, *Sharklet*, *Thrust Reverser*, *Spoiler Panel* dan *Carbon Brakes*.

Di bawah Pelan Induk Industri Aeroangkasa Kebangsaan 2030 yang dilancarkan pada tahun 2015, penekanan terhadap pembangunan ekosistem aeroangkasa tempatan merupakan salah satu agenda utama untuk Malaysia menjadi hub aeroangkasa serantau menjelang tahun 2030. Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan di bawah pelan induk tersebut adalah program pembangunan keupayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk menyertai rantaian nilai aeroangkasa global. Inisiatif Projek Permulaan (EPP) Perkhidmatan Perniagaan 8 (EPP8) yang bermula pada tahun 2016 merupakan program pembangunan PKS yang diterajui MITI menerusi SME Corporation Malaysia.

Di bawah EPP8, sebanyak 20 buah syarikat PKS telah dipilih untuk menjalani program khas untuk membangunkan mereka menjadi pemain industri aeroangkasa global. EPP8 merupakan satu-satunya program pembangunan PKS berstruktur yang dilaksanakan dengan sokongan

Pejabat Penyelarasan Industri Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO) dan Persatuan Industri Aeroangkasa Malaysia (MAIA).

Antara pendedahan yang dilakukan termasuklah program pembangunan rantaian nilai industri seperti "*Cranfield Aerospace Programme*" oleh Cranfield Management Development Centre di Universiti Cranfield, United Kingdom dan "*Aerospace SME Accelerator Programme*" oleh Air Business Academy di Airbus, France. Kedua-dua organisasi ini merupakan peneraju global di dalam membangunkan pembekal-pembekal dari seluruh dunia kepada syarikat gergasi aeroangkasa global seperti BAE Systems dan Airbus.

Transformasi PKS juga ditekankan menerusi implementasi industri 4.0 yang mana PKS disarankan untuk menerima tren baharu dalam bidang teknologi seperti sistem robotik dan automasi serta sistem pembelian dalam talian (*e-procurement*) untuk membolehkan mereka menjadi pesaing global dalam industri aeroangkasa. PKS juga digalakkan untuk meningkatkan kemahiran mereka untuk menyokong industri aeroangkasa tempatan bagi persediaan membida pakej-pakej kontrak dari pemain-pemain aeroangkasa global.

Selain itu PKS dan pemain-pemain industri tempatan turut diketengahkan ke peringkat global melalui penganjuran program-program aeroangkasa tempatan dan antarabangsa. Aktiviti-aktiviti promosi untuk industri aeroangkasa disokong menerusi penganjuran Kuala Lumpur International Aerospace Business Convention (KLIABC) yang dianjurkan oleh MATRADE dari 7 hingga 9 Disember 2016 dan Langkawi International Maritime & Aerospace Exhibition 2017 (LIMA '17) dari 21 hingga 25 Mac 2017. Malaysia juga menerusi NAICO menyertai

International Paris Airshow 2017 di Le Bourget, Perancis dari 18 hingga 26 Jun 2017. Usaha ini adalah merupakan kerjasama awam dan swasta dan diterajui oleh NAICO, MATRADE, MIDA dan SME Corp Malaysia.

Di dalam usaha untuk mempertingkatkan keupayaan teknikal industri, MITI di bawah Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK11) sedang menjalankan program Kajian dan Teknologi berasaskan industri (*industry-led Research and Technology*) yang diterajui oleh Pusat Inovasi Aeroangkasa Malaysia (AMIC). Kajian dan pembangunan teknologi ini turut melibatkan elemen-elemen industri 4.0 di bawah inisiatif *Factory of the Future* yang bakal melonjakkan keupayaan pembekal-pembekal tempatan ke tahap yang lebih tinggi. Antara projek-projek yang sedang dilaksanakan di bawah inisiatif *Factory of the Future* termasuklah *Online Robot, Virtual Reality for Training, Virtualization of Production Line* dan *Manufacturing Process Automation*. Usaha-usaha ini akan mempertingkatkan keupayaan teknologi pembuatan aeroangkasa dan pengeluaran produk-produk aeroangkasa yang komplek dan benilai tinggi.

Sekian, terima kasih

NO. SOALAN: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]

TARIKH : 27 JULAI 2017 [KHAMIS]

SOALAN :

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bilakah tarikh tepat Hab Industri Perabot Muar akan beroperasi dan berapakah kilang akan menyertai serta peluang pekerjaan yang akan wujud mengikut pecahan terperinci mahir dan bukan mahir serta warganegara dan bukan warganegara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2014, Kementerian ini bersama-sama Kerajaan Negeri Johor serta agensi dan Persatuan Perabot Muar (MFA) telah bekerjasama untuk membangunkan sebuah hab perabot di kawasan seluas 995 ekar di Bukit Bakri, Muar.

Hab perabot ini dijangka dapat beroperasi pada tahun 2020. Sehingga kini, lebih daripada 100 syarikat perabot berminat untuk membeli lot kilang di kawasan berkenaan. Adalah dijangkakan lebih 5,000 peluang pekerjaan akan dijana setelah hab perabot ini beroperasi.

Pada masa ini, tenaga kerja dalam industri perabot dianggarkan seramai 85,000 orang. Daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja dalam industri perabot ini, dianggarkan seramai 23,000 adalah pekerja mahir. Menjelang tahun 2020, adalah dijangkakan peningkatan seramai 5,000 orang pekerja mahir tempatan dalam industri perabot. Adalah diharapkan kebanyakan pekerja mahir ini dapat menyumbang kepada pembangunan hab perabot di Muar apabila ia beroperasi sepenuhnya kelak. Pada masa sama, Kementerian melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) sedang menjalankan bancian industri perkayuan yang merangkumi pelbagai aspek termasuk keperluan tenaga kerja terkini dalam industri perabot. Bancian ini dijangka selesai pada tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. : 13

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

SOALAN:

DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan keuntungan, memberi kesan kepada alam sekitar dan tempatan dengan melaksanakan projek FRIM dan FGV khususnya pembangunan bunga Rafflesia seluas 250 hektar di Bersia Timur, Gerik serta berapakah peruntukan disediakan bagi memastikan projek tersebut dapat dijayakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Faedah serta kesan kepada alam sekitar yang diperoleh dari projek pembangunan sebuah *Pusat Pemuliharaan dan Interpretif Rafflesia* (PPIR) antara FRIM dan FGV ialah pengurangan ancaman dan kepupusan populasi *Rafflesia* termasuk eksploitasi pengutipan spesies ini sebagai sumber ubatan melalui pemuliharaan populasi *Rafflesia* di ekosistem semula jadinya; serta penjanaan pengetahuan baru menerusi pembangunan plot penyelidikan dan tapak ekologi jangka panjang.

Faedah kepada masyarakat tempatan ialah melalui peningkatan tahap sosio-ekonomi komuniti orang asli dan masyarakat setempat sebagai sumber tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran. Masyarakat tempatan dapat bertindak sebagai rakan kongsi dan pemain utama sektor industri *indigenous tourism Rafflesia.* Jaringan kerjasama sedia ada antara kerajaan persekutuan dan negeri juga dipereratkan menerusi penjanaan pendapatan hasil pelbagai pakej eko-pelancongan *Rafflesia* yang dijangka berjumlah RM150 juta bagi tempoh 5 tahun (2021-2025). Projek ini akan turut mewujudkan imej daerah Hulu Perak sebagai penggerak industri eko-pelancongan negara berteraskan *indigenous tourism Rafflesia*.

Dana yang diperuntukan bagi projek FRIM-FGV bagi tahun 2017-2020 ialah dana FGV berjumlah RM5 juta dan dana RMK-11 berjumlah RM10 juta.

SOALAN NO.: 14

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN SIM TZE TZIN**
KAWASAN	:	**BAYAN BARU**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017, KHAMIS**

SOALAN:

YB. TUAN SIM TZE TZIN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan nama-nama syarikat konsesi tol yang mengalami kebankrapan dan sebuah lagi syarikat yang menstruktur semula kewangan. Apakah akibat kepada rakyat jika syarikat-syarikat tersebut bankrap dan apakah tindakan Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebuhraya-lebuhraya di Malaysia dibina secara penswastaan melalui kaedah bina-kendali-pindah [Build-Operate-Transfer (BOT) Model] dengan berasaskan konsep *user pay*. Di bawah model ini:

(i) projek lebuhraya dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta melalui ekuiti dan pinjaman;
(ii) had tanggungan Kerajaan adalah terhad kepada pengambilan tanah sahaja;
(iii) daya maju atau *viability* projek dinilai oleh pihak swasta manakala risiko permintaan (*demand risk*) ditanggung oleh pihak swasta; dan
(iv) Kerajaan mengawalselia (*regulate*) kadar tol di mana ia tidak ditentukan secara *free-market*.

Walaupun demikian, sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab serta mengambil kira infrastruktur lebuh raya – lebuh raya merupakan salah satu keutamaan kepada rakyat, Kerajaan sentiasa bekerjasama dengan pihak syarikat konsesi bagi memastikan kelangsungan (*sustainability*) projek-projek lebuh raya selari dengan terma-terma di bawah perjanjian konsesi.

Sehubungan itu, berhubung dengan kedudukan syarikat-syarikat konsesi yang sedang berhadapan dengan masalah kewangan, pihak Kementerian sedang memantau perkara ini dan *engagement* sedang dilaksanakan dengan pihak syarikat konsesi yang berkaitan sebelum sebarang keputusan dibuat oleh pihak Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING]**
TARIKH JAWAPAN	:	**27 JULAI 2017 (KHAMIS)**

SOALAN

Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah bekalan air yang dihadapi oleh penduduk kawasan Mukim Siong, Baling selepas siapnya Projek Lebuh Raya Weng hingga Durian Burung sejak 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Sehingga Disember 2015, bilangan loji rawatan air (LRA) di Negeri Kedah adalah berjumlah 36 buah dengan kapasiti rekabentuk sebanyak 1,308 juta liter sehari (JLH) dan kapasiti pengeluaran sebanyak 1,315 JLH iaitu beroperasi melebihi kapasiti rekabentuk sebanyak 10 JLH. Ini menjadikan Negeri Kedah tidak memiliki rizab margin bagi menampung keperluan tambahan sewaktu situasi kritikal seperti kemarau dan sebagainya. Permintaan bekalan air yang semakin meningkat telah menyebabkan beberapa loji utamanya terpaksa beroperasi melebihi kapasiti reka bentuk asal dengan memanjangkan tempoh pengoperasian loji dari 20 jam ke 24 jam sehari.

2. Bagi Daerah Baling pula, rizab margin air bersih sehingga 31 Disember 2016 adalah 2.46% dan ia lebih rendah dari sasaran 10% hingga 15% yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Permintaan bekalan air bersih di Baling dijangka meningkat dengan siapnya Lebuhraya Weng-Durian Burung yang membawa pertumbuhan ekonomi di kawasan sekitar.

3. Bagi penyelesaian jangka masa panjang, Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd (SADA) sedang melaksanakan projek pembinaan loji rawatan air terutamanya bagi menambah kapasiti bekalan air di daerah Baling. Ia melibatkan pembinaan loji rawatan air Sungai Limau dengan kapasiti 18 JLH dengan kos sebanyak RM100 juta dijangka siap pada tahun 2019. Projek ini dilaksanakan di bawah peruntukan RMKe-11.

Tuan Yang Dipertua,

4. Selain memfokus kepada pembangunan infrastruktur bekalan air, Kementerian juga ingin menyaran agar penduduk di Daerah Baling mengamalkan langkah-langkah penjimatan air bagi mengurangkan pembaziran serta menggunakan air bersih secara berhemah. Antara langkah-langkah mudah yang boleh diamal termasuk menggunakan air hujan bagi tujuan bukan minum, menggunakan peranti cekap air, memeriksa kebocoran paip dan sebagainya.

Sekian, terima kasih

****

SOALAN NO: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO [KLANG]**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017**
SOALAN	:	**16**

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status kini mengenai cadangan Kementerian untuk mengemukakan kertas kerja untuk kelulusan Jemaah Menteri mengenai kesudian Kerajaan untuk menggunakan 'Hak Kerajaan' untuk menurunkan harga ubat 'Sofosbuvir' untuk menangani Hepatitis C.

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, anggaran rawatan Hepatitis C menggunakan Sofosbuvir termasuk kombinasinya mencecah RM 300 ribu bagi setiap pesakit. Oleh kerana kos ini adalah tinggi, KKM telah mengkaji beberapa kaedah untuk meningkatkan akses rawatan hepatitis C di Malaysia. Antara kaedah yang boleh digunakan untuk mendapatkan akses ubat Sofosbuvir yang murah adalah dengan menggunakan Hak Kerajaan, di mana kerajaan Malaysia dapat mengimport ubat generik Sofosbuvir yang harganya jauh lebih murah berbanding ubat Sofosbuvir *innovator* dengan syarat-syarat tertentu.

Sehubungan itu, Kementerian ini dalam peringkat akhir penyediaan Memorandum Jemaah Menteri berkenaan perkara ini dan akan dikemukakan untuk kelulusan di peringkat Jemaah Menteri.

SOALAN NO: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK [KUALA PILAH]**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017**
SOALAN	:	**17**

YB Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pelan Skim 1Care seperti yang pernah diutarakan sebelum ini dan apakah tindakan Kementerian dalam merealisasikan skim ini?

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan sentiasa melakukan penambahbaikan kepada perkhidmatan kesihatan Malaysia. Untuk makluman, 1Care hanya kertas konsep transformasi sistem kesihatan Malaysia tahun 2009. Kertas konsep ini kurang mendapat sokongan dari pelbagai pihak antara lain kerana kurang kefahaman mengenai faedah dan keperluan transformasi pada masa itu. Konsep yang dicadangkan juga telah dimanipulasi oleh sesetengah pihak dengan memberi gambaran negatif untuk tujuan menakutkan rakyat dengan maklumat palsu. Ini membawa kepada ketidakpercayaan terhadap konsep tersebut tanpa pemahaman yang jelas. Maka, rancangan pelaksanaan tidak diteruskan sejak tahun 2011 lagi.

Untuk membangunkan sistem pembiayaan kesihatan yang lebih efisien, mampan dan meluaskan pilihan yang ada untuk rakyat, pada tahun 2016 kerajaan mencadangkan konsep insurans kesihatan secara sukarela atau V*oluntary Health Insurance* (VHI) dengan izin. Cadangan yang dibuat merangkumi ciri-ciri di mana VHI dikendalikan sebagai insurans perubatan yang tidak berasaskan keuntungan untuk kepentingan awam di bawah kelolaan kerajaan. VHI berperanan sebagai alternatif kepada skim insurans kesihatan swasta sedia ada untuk mereka yang mahukan opsyen pilihan sendiri. Ia akan menjadi penanda aras kepada insurans kesihatan swasta agar beroperasi dengan lebih strategik dan efisien.

Walaupun dengan adanya VHI kelak Kerajaan masih dan akan terus komited untuk terus menyediakan penyampaian perkhidmatan klinik dan hospital yang berkualiti kepada rakyat di mana mereka masih boleh akses kepada fasiliti dan perkhidmatan kesihatan Kerajaan yang komprehensif termasuklah perkhidmatan pencegahan, promosi kesihatan, rawatan perubatan dan rehabilitasi seperti biasa.

Proses perancangan VHI sedang dijalankan dan perlu diperincikan lagi. Sekiranya ia diterima pakai, ia akan dilaksanakan secara berperingkat. KKM telah menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan sebagai persediaan bagi melaksanakan VHI pada tahun hadapan. Bagi membangunkan organisasi VHI, KKM telah bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Kementerian Kewangan dan sebagainya.

SOALAN NO.: 18

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI**
KAWASAN	:	**KUALA NERUS**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017, KHAMIS**

SOALAN:

YB. UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan yang dikenakan kepada kontraktor-kontraktor yang membina jalan raya di LPT2 terutamanya dari Jabor ke Gemuroh dengan tidak rata dan beralun sehingga membahayakan para pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, tiada sebarang tindakan dikenakan kepada kontraktor yang membina LPT2 memandangkan Kontraktor-Kontraktor tersebut telah membaiki semua permukaan yang beralun mengikut syarat-syarat kontrak dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan selama 1 tahun selepas jajaran disiapkan.

Mengenai isu dakwaan jalan beralun pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya permukaan lebuhraya LPT2 berada dalam keadaan yang baik. Namun demikian kementerian ini mengambil perhatian tentang beberapa lokasi di LPT2 yang mempunyai permukaan jalan yang beralun. Sehubungan itu, kementerian telah menjalankan Ujian Profiling IRI (International Roughness Index) bagi menilai tahap keselesaan pemanduan yang berhubung kait dengan permukaan jalan.

Berdasarkan keputusan Ujian IRI ataupun Indeks Kerataan Jalan awalan yang telah dijalankan, didapati cuma 0.6% daripada keseluruhan ujian awalan Jalan LPT2 mempunyai IRI melebihi 3.8 m/km. Keputusan IRI ini juga menepati KPI Lembaga Lebuhraya Malaysia - 'Pavement Durability Performance Measure 2015' (PDPM) dan berada pada tahap nilai yang dibenarkan iaitu kurang daripada 5%. Jumlah 0.6% ini adalah jauh lebih kecil daripada jangkaan 20% keseluruhan panjang LPT2 yang dianggarkan mempunyai permukaan beralun sebelum ujian IRI sebenar dijalankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah mengesahkan bahawa permukaan jalan LPT2 dibina mengikut standard piawaian antarabangsa berdasarkan ujian berasingan yang dijalankan. Daripada ujian IRI yang telah dijalankan itu, kementerian ini telah mengenal pasti beberapa lokasi jalan beralun yang perlu diperbaiki untuk meningkatkan keselesaan pemanduan dan keselamatan pengguna. Justeru itu, beberapa langkah serta intervensi yang bersesuaian akan diteruskan dan dilaksanakan dari masa ke semasa bagi mengurangkan risiko kemalangan di LPT2.

Pada masa ini, syarikat LPT2 Sdn. Bhd. adalah syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk pengurusan lebuh raya ini selama 18 tahun dan akan senantiasa memastikan lebuh raya ini diselenggara dengan baik melalui penyelenggaraan rutin mahupun berkala untuk keselamatan dan keselesaan pengguna lebuh raya.

Selain itu, baru-baru ini Kementerian Pengangkutan memaklumkan bahawa LPT2 merupakan salah satu daripada empat lebuh raya antara bandar yang diberi penarafan penarafan tiga bintang menerusi Laporan Pusat Kecemerlangan Program Penilaian Jalan Raya (iRAP) 2017 kerana menepati piawaian dan aspek keselamatan.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI [SUNGAI BESAR]**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017 (KHAMIS)**
SOALAN	:	**19**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan pihak Kementerian bagi pembinaan rumah Bina Rakyat (RBN) di seluruh negara bagi tahun ini dan berapakah jangkaan rumah yang akan dibina menerusi peruntukan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Pembinaan Rumah Bina Negara (Rumah BN) yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui FELCRA dan RISDA adalah merupakan inisiatif Kerajaan bertujuan untuk menyediakan rumah selesa kepada golongan belia luar bandar.

Bagi 2017, FELCRA telah diperuntukkan sebanyak RM28 juta bagi membina sebanyak 400 unit Rumah BN. Manakala, RISDA telah diperuntukkan sebanyak RM6 juta bagi membina 300 unit Rumah BN menjadikan keseluruhan peruntukan program Rumah BN yang diterima oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM34 juta.

KKLW menjangkakan sebanyak 700 unit Rumah BN dapat dibina bergantung kepada peruntukan yang telah disalurkan dan jumlah permohonan serta kelulusan yang diberikan oleh pihak pembiaya kepada para pemohon program Rumah BN.

SOALAN NO.: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017**
SOALAN	:	**20**

YB Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah terperinci yang sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan bilangan doktor psikiatri dan doktor psikologi klinik dalam Malaysia, serta jenis pelatihan yang sedang diberi kepada doktor yang aktif untuk meningkatkan tahap perkhidmatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KKM sentiasa berusaha untuk memastikan rakyat sentiasa mendapat perkhidmatan dan penjagaan kesihatan mental yang terbaik. Sehubungan itu, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi bilangan Pakar Psikiatri adalah seperti berikut:

i. Meningkatkan slot tajaan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan untuk program sarjana kepakaran bagi bidang Psikiatri daripada 39 slot pada tahun 2012 kepada 49 slot pada tahun 2016.

ii. Melantik semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan.

iii. Menggalakkan Pegawai Perubatan Pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu bagi membantu perkhidmatan dan penjagaan kesihatan mental, Kerajaan turut meningkatkan bilangan Pegawai Psikologi (Klinikal) kepada 43 orang pada tahun 2017 berbanding dengan hanya 13 orang pada tahun 2014 iaitu peningkatan melebihi 200 peratus. Antara langkah lain yang sedang dan akan dilaksanakan oleh KKM adalah seperti berikut

i. Seramai 13 Pegawai Psikologi (Umum) telah ditempatkan di bawah seliaan Pegawai Psikologi (Klinikal) di hospital tertentu pada tahun 2017.

ii. Mendapatkan perkhidmatan dalam bidang psikologi klinikal dari Pensyarah Universiti Awam secara sesional. Sehingga Julai 2017, seramai 4 orang pensyarah sedang memberikan perkhidmatan psikologi klinikal secara sesional.

iii. Menjalankan *outreach programme* (dengan izin) dan promosi kerjaya sebagai Pegawai Psikologi (Klinikal).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jenis pelatihan yang sedang diberi kepada doktor yang sedang berkhidmat untuk meningkatkan tahap perkhidmatan mereka, Kementerian telah menyediakan peluang latihan dalam perkhidmatan untuk doktor di dalam negara dan juga di luar negara. Selain itu, Kementerian turut memberi peluang kepada doktor pakar untuk meningkatkan tahap perkhidmatan mereka dengan menyediakan biasiswa bagi mengikuti latihan subkepakaran di mana slot biasiswa subkepakaran telah ditingkatkan dari 35 biasiswa pada tahun 2002 kepada 150 semenjak tahun 2011.

Bagi pelatihan psikologi klinikal, Kementerian turut memberi peluang kepada 4 orang Pegawai Psikologi (Klinikal) untuk menghadiri latihan sangkutan di luar negara bagi meningkatkan tahap perkhidmatan mereka.(data dan maklumat tambahan) Pada masa yang sama, Pegawai Psikologi (Klinikal) juga mendapat pendedahan secara *on job training* (dengan izin) bersama Pakar Psikiatri.

SOALAN NO: 21

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor]**

TARIKH : **27 Julai 2017**

SOALAN : **Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan: -**

sejauh manakah projek ikan sejuk beku Q'Fish telah berjaya memberi impak yang tinggi khususnya dalam mengatasi masalah beban kos sara hidup rakyat serta bagaimanakah ianya dapat mengimbangi kenaikan harga pasaran ikan secara mendadak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Program Q'Fish telah diperkenalkan pada tahun 2016 dengan objektif pelaksanaan seperti berikut:

1) Menawarkan ikan segar beku berkualiti sebagai pilihan dengan harga yang berpatutan kepada pengguna;

2) Menggalakkan gaya hidup sihat melalui pemakanan ikan segar beku sebagai sumber protein utama;

3) Meningkatkan permintaan ikan segar beku melalui kaedah promosi dan rantaian pemasaran yang efisien; dan

4) Meningkatkan bilangan penglibatan usahawan pemasaran ikan bagi mewujudkan peluang-peluang pasaran hasil tangkapan ke pasaran yang berpotensi.

Secara amnya, harga jualan ikan segar beku Q'Fish adalah lebih rendah berbanding harga spesies ikan yang sama di pasaran, iaitu di antara 9 hingga 28 peratus. Sehubungan itu, penggunaan ikan segar beku Q'Fish sebagai alternatif

kepada ikan basah secara tidak langsung dapat mengurangkan beban kos sara hidup rakyat sekaligus mengimbangi kenaikan harga ikan secara mendadak.

Spesies ikan segar beku Q'Fish yang telah dipasarkan adalah kembong, selar, pelaling, selayang, cencaru, aya, tilapia dan keli.

SOALAN (22)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	27 JULAI 2017 [KHAMIS]
DARIPADA	:	YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]
SOALAN	:	

YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peratus pengangguran yang berlaku pada tahun 2016 dan kerangka untuk menyelesaikan isu ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejayaan ekonomi kita menyediakan peluang pekerjaan menyebabkan kadar pengangguran kekal rendah iaitu di bawah 4%. Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar penyertaan tenaga buruh sehingga suku tahun keempat 2016 adalah 67.6% dan kadar pengangguran berada pada kadar 3.5%. Kadar pengangguran bagi negara ini adalah stabil antara 3.1% hingga 3.7% semenjak tahun 1990an. Negara dianggap telah mencapai guna tenaga penuh sekiranya kadar pengangguran adalah 4% dan kurang yang mana selari dengan definisi *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD).

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil langkah secara holistik dalam menangani isu pengangguran di peringkat nasional melalui kerangka yang disediakan di dalam Inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) 2016 hingga 2020 mengunjurkan pewujudan peluang pekerjaan

sebanyak 1.5 juta pekerjaan baharu menjelang tahun 2020. Di dalam kerangka tersebut Kerajaan memberi tumpuan kepada empat bidang fokus iaitu:

PERTAMA, Bidang Fokus A iaitu menambah baik kecekapan pasaran buruh untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui usaha meminimumkan ketidakpadanan (*mismatch*) dalam pasaran buruh di mana Jawatankuasa Jurang Kemahiran Kritikal ditubuhkan bagi mengenal pasti jurang kemahiran kritikal, dalam sektor strategik bagi perancangan modal insan akan datang.

Kerajaan turut memberi tumpuan bagi mengatasi pengangguran belia menerusi program seperti Skim Kemahiran Kerjaya 1Malaysia (SKK1M), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan 1Malaysia *Skills Training and Enhancement for the Rakyat* (1MASTER).

Selain itu, penyertaan wanita dalam pasaran buruh akan terus dipertingkatkan. Sebagai contoh, Kerajaan akan memperluas akses kepada pekerjaan menerusi program 1Malaysia *Support For Housewives* dan *Flexiworklife*. Kaum wanita juga digalakkan untuk

menjadi usahawan menerusi program seperti Azam Niaga, *Women Entrepreneurial Incubator* dan 1Nita.

Pada ketika ini, Kerajaan menerusi Kementerian Sumber Manusia akan memperkenalkan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang merupakan program jaringan keselamatan sosial yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu Insurans Pekerjaan dan Dasar Pasaran Buruh Aktif. Insurans Pekerjaan akan membantu pekerja kehilangan pekerjaan dengan menyediakan bantuan kewangan sementara (*temporary income replacement*) semasa mencari pekerjaan baharu. Manakala Dasar Pasaran Buruh Aktif pula menyediakan bantuan carian pekerjaan (*job search*), penempatan pekerjaan (*job placement*) dan latihan. Bantuan *reskilling* dan *upskilling* membantu pekerja kehilangan pekerjaan memiliki set kemahiran (*skills set*) yang diperlukan oleh industri seterusnya meningkatkan *employability*.

Tuan Yang di-Pertua,

KEDUANYA, Bidang Fokus B iaitu mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri di mana dianggarkan sebanyak 60% daripada pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh RMKe-11 dijangka

memerlukan kelayakan TVET. Kerajaan akan mempergiat kolaborasi dengan pihak industri untuk mempertingkat pengambilan TVET, menambah baik kualiti program dan institusi serta memperkukuh penjenamaan dan profil TVET.

KETIGA, Bidang Fokus C iaitu memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran bagi membolehkan rakyat Malaysia mendapat latihan semula dan peningkatan kemahiran secara berterusan untuk memenuhi permintaan pasaran buruh. Fokus ini tidak terhad kepada tenaga kerja sedia ada, malahan meliputi individu di luar sistem pendidikan formal, yang tidak bekerja atau bersara.

KEEMPAT, Bidang Fokus D iaitu menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan outcome pelajar dan kecemerlangan institusi melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 hingga 2025 (Pendidikan Tinggi) yang dilancarkan pada tahun 2015. Pelan ini akan menjana lonjakan besar dalam pengoperasian sistem pendidikan tinggi dengan melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, bagi menangani isu pengangguran ini, Kerajaan Persekutuan juga melaksanakan program untuk membantu mempertingkat kualiti mahasiswa dan program di universiti bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan yang majoritinya tergolong dalam umur belia. Graduan yang mencari pekerjaan juga turut dibantu, antaranya di bawah Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), *Graduate Employability Management Scheme* (GEMS), program perantisan, *Bridging Gap Programme* dan latihan keusahawanan.

Sekian, terima kasih.

27 Julai 2017

NO SOALAN :23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL (PENDANG)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 27.07.2017**

Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah syarikat asing seratus peratus di pasaran saham Malaysia serta jumlah pegangan saham keseluruhannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sembilan buah syarikat asing yang berdaftar di luar negara, yang mana saham mereka tersenarai dalam pasaran ekuiti Malaysia dan merangkumi 0.07 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai pasaran saham.

Daripada jumlah tersebut, lapan daripadanya adalah syarikat asing yang tersenarai seratus peratus di pasaran saham Malaysia, seperti dalam jadual berikut :

No	Nama Syarikat	Unit Saham (Juta)	Nilai Pasaran Saham (RM Juta)
1	Multi Sports Holdings Ltd	606.8	21.2
2	Xingquan International Sports Holdings Ltd	485.2	26.7
3	Xidelang Holdings Ltd	673.9	175.2
4	K-Star Sports Ltd	293.0	24.9
5	HB Global Ltd	468.0	23.4
6	China Ouhua Winery Holdings Ltd	668.0	23.4
7	China Stationery Ltd	1,242.8	80.8
8	China Automobile Parts Holdings Ltd	1,362.0	13.6

Manakala, sebuah lagi syarikat asing iaitu Media Chinese International Ltd mempunyai saham tersenarai di pasaran saham Malaysia serta pasaran saham asing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM**
[SARATOK – BN]

TARIKH : **27 JULAI 2017 (KHAMIS)**

SOALAN NO.24

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan dalam memastikan bahawa sukan Badminton tidak akan ketandusan bakat besar seperti Datuk Lee Chong Wei memandangkan bahawa setakat ini tiada pemain badminton Malaysia yang mampu menandingi Datuk Lee Chong Wei.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menyediakan **Akademi Badminton Kebangsaan** di Bukit Kiara yang diuruskan oleh Persatuan Badminton Malaysia (BAM) bagi mengoptimumkan program latihan pusat yang tersusun kepada atlet-atlet pelapis negara. Ini secara tidak langsung akan memantapkan lagi struktur-struktur program sedia ada yang dikendalikan oleh Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dengan kerjasama Majlis Sukan Negara (MSN).

2. Selain itu juga, Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN) sentiasa bekerjasama dengan BAM dalam usaha memastikan pencapaian berterusan sukan badminton di peringkat antarabangsa dengan melaksanakan **program pembangunan akar umbi** sukan badminton secara konsisten di peringkat Pusat Latihan Daerah (PLD), Program Pelapis Negeri dan Program Pelapis Kebangsaan. Manakala program latihan atlet yang menumpukan kepada pencapaian di temasya sukan antarabangsa seperti temasya Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik dilaksanakan melalui **Program Kita Juara** dan **Program Podium.**

3. Selain itu, barisan kejurulatihan yang berkualiti amatlah penting dalam usaha melahirkan lebih ramai pelapis badminton negara yang akan menjadi pengganti kepada atlet senior yang sedia ada. Justeru,

pelantikan **Datuk Misbun Sidek** sebagai ketua jurulatih perseorangan lelaki negara merupakan perancangan jangka panjang dalam mengenalpasti atlet-atlet pelapis berpotensi selain peranan **Pengarah Teknikal BAM Morten Frost Hansen** dalam memantapkan peranan Jawatankuasa Kejurulatihan dan Latihan BAM.

Sekian, terima kasih.

Soalan (25)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	27 JULAI 2017 [KHAMIS]
DARIPADA	:	YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

SOALAN :-

YB Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan **strategi penyelesaian yang khusus bagi menangani isu kemiskinan bandar (urban poverty) secara holistik termasuk corak perbelanjaan isi rumah yang tipikal iaitu perbelanjaan untuk makanan, pengangkutan dan perumahan yang dilihat dua pertiga daripada pendapatan isi rumah.**

Jawapan :-

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah RMKe-11 tanggungjawab Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam menangani isu kemiskinan bandar adalah melalui 3 program yang meliputi aspek makanan dan perumahan. 3 program tersebut adalah:

a) Program Titipan Kasih (*Food Basket*);

b) Program Baik Pulih Rumah Daif di Bandar; dan

c) Program Rumah Khidmat Bakti (Bina Baru).

Melalui program Titipan Kasih (*Food Basket*), setiap Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar menerima bantuan sebanyak RM80 sebulan selama 2 tahun untuk membeli keperluan makanan asas. Bantuan RM80 tersebut dikreditkan dalam myKad di mana pembelian boleh dilaksanakan di kedai-kedai terpilih seluruh Malaysia. Pada tahun 2017, sejumlah RM2 juta telah diperuntukkan bagi program ini dengan penglibatan seramai 1,818 orang KIR miskin tegar.

KPKT juga melaksanakan 2 program yang berkaitan dengan perumahan iaitu Baik Pulih Rumah Daif di Bandar dan juga Rumah Khidmat Bakti (Bina Baru). Program Baik Pulih Rumah Daif di Bandar yang merupakan bantuan baik pulih rumah bagi kumpulan berpendapatan rendah (B40) di bandar dengan kadar RM13,000 seunit di Semenanjung manakala RM15,000 seunit di Sabah / Sarawak.

Program Rumah Khidmat Bakti (Bina Baru) pula merupakan pembinaan rumah baru bagi kumpulan B40 di bandar di mana rumah mereka telah musnah akibat kebakaran. Kadar bantuan ialah RM40,000 seunit di Semenanjung manakala RM50,000 seunit di Sabah / Sarawak. Pada tahun 2017, sejumlah RM20 juta (1520 unit rumah) diperuntukkan bagi Program Baik Pulih Rumah manakala RM1.75 juta (42 unit rumah) bagi Program Rumah Khidmat Bakti (Bina Baru).

Selain daripada itu, KPKT melaksanakan Program AZAM Bandar dan juga Kios Penjaja Bandar dalam usaha membantu kumpulan B40 di bandar bagi mengusahakan perniagaaan sendiri seterusnya meningkatkan pendapatan untuk menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat. Bagi Program AZAM Bandar, sejumlah RM10 juta telah diperuntukkan pada tahun 2017 di mana setiap individu menerima bantuan bernilai RM10,000 yang merangkumi kursus, alat kelengkapan

dan juga proses pemantauan mengikut jenis perniagaan yang dipilih. Bagi Program Kios Penjaja Bandar pula, sejumlah RM2juta diperuntukkan pada tahun 2017 di mana setiap individu menerima bantuan bernilai RM15,000 yang merangkumi kursus dan juga kios berserta alat kelengkapan mengikut jenis perniagaan yang dipilih.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

No. Soalan: 26
PR-1352-L01577

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' KAMARUDDIN JAFFAR** **[TUMPAT]**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017**
SOALAN	:	**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tindakan Kerajaan terhadap pendirian Kerajaan Myanmar yang enggan mengizin masuk petugas-petugas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk menyiasat pembunuhan rakyat dan pemusnahan perkampungan Rohingya di negara itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Tumpat atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Isu mengenai etnik Rohingya di Myanmar adalah amat kompleks dan perlu ditangani secara halus. Justeru, pendekatan *"constructive engagement"* adalah lebih berkesan daripada tekanan berterusan kepada Kerajaan Myanmar.

3. Melalui resolusi tahunan Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (MHAM PBB) mengenai situasi hak asasi manusia di Myanmar yang telah dipersetujui bersama (*adopted by consensus*), Mesyuarat Sesi ke-34 MHAM PBB pada 24 Mac 2017, telah mengesyorkan beberapa cadangan termasuk penubuhan satu *"fact finding mission"* (FFM) oleh PBB. Tujuan misi tersebut adalah untuk mengesahkan kesahihan tuduhan pencabulan hak asasi manusia dan penderaan yang dilakukan oleh pihak tentera dan pasukan keselamatan, terutamanya di Rakhine.

4. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia berpandangan bahawa siasatan penindasan terhadap etnik Rohingya seharusnya disiasat oleh mekanisme antarabangsa yang boleh menjalankan tugasnya secara bebas, saksama dan adil. Mekanisme siasatan yang akan dipilih juga hendaklah memastikan proses siasatan mendapat kerjasama negara berkenaan dan seterusnya

boleh membawa pesalah laku ke muka keadilan. Pertimbangan ini adalah berasaskan pendirian Malaysia bahawa isu hak asasi manusia sepatutnya dibincangkan melalui pendekatan yang membina (*constructive engagement*).

5. Pada masa yang sama, Malaysia berpandangan bahawa hal pengeluaran visa kepada orang luar merupakan hak kedaulatan ataupun *"sovereign rights"* oleh sesebuah negara berdaulat. Justeru itu, keputusan Kerajaan Myanmar untuk tidak membenarkan pasukan penyiasat PBB membuat siasatan di Rakhine perlu dihormati.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Sebagai negara anggota ASEAN dan negara jiran yang prihatin, Malaysia akan terus menekankan kepada Kerajaan Myanmar untuk menangani punca-punca masalah (root causes) dalam isu penindasan etnik Rohingya di Rakhine.

7. Malaysia juga akan terus menggunakan platform antarabangsa terutamanya di peringkat OIC untuk membangkitkan isu etnik Rohingya sebagai usaha mendesak Kerajaan Myanmar untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi menghentikan kekejaman dan penindasan ke atas etnik tersebut.

8. Pada masa yang sama, masyarakat antarabangsa perlu meningkatkan kerjasama dengan Myanmar dalam mencari jalan penyelesaian jangka panjang. Adalah diyakini bahawa isu ini dapat ditangani dengan lebih baik sekiranya sokongan masyarakat antarabangsa melalui

perundingan atau dialog dapat dilaksanakan secara konsisten dengan pihak Myanmar.

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

TARIKH : 27.7.2017

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah perlaksanaan sekolah SMK Desa Wawasan yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembinaan Sekolah Menengah Desa Wawasan Tambunan telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana pada masa itu tapak masih belum menjadi hak milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah menyenaraikan semula permohonan pembinaan bangunan sekolah tersebut dalam dalam *Rolling Plan* Ketiga, Rancangan Malaysia Kesebelas. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.

NO. SOALAN: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]
TARIKH : 27. 7. 2017 (KHAMIS)

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan sejauh manakah mekanisme penyelarasan harga petrol dan diesel secara mingguan berjaya mengatasi masalah manipulasi harga barang oleh peniaga kesan daripada kenaikan harga minyak dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Mekanisme penetapan harga mingguan mempercepatkan penyelarasan harga runcit petrol dan diesel dengan harga kos produk yang sebenar. Dalam hal ini harga runcit yang dikenakan adalah lebih hampir kepada dengan kos produk berkenaan.

Harga barangan di pasaran adalah tertakluk kepada kuasa tawaran dan permintaan. Hasil perbandingan purata harga 40 barangan keperluan antara bulan April hingga Jun 2017 mendapati bahawa perubahan harga barangan adalah disebabkan oleh faktor-faktor selain daripada perubahan harga mingguan petrol dan diesel. Faktor yang telah dikenal pasti adalah jumlah bekalan di pasaran dan juga permintaan daripada orang ramai.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sentiasa memantau dan mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 bagi membendung sebarang perbuatan peniaga yang mengambil kesempatan mengeksploitasi apa-apa keadaan atau situasi, termasuk alasan kenaikan harga petrol dan diesel untuk mengambil keuntungan berlebihan.

Pemantauan dan pemeriksaan sepanjang masa dibuat ke atas harga barangan di premis-premis perniagaan dan notis seksyen 21 akta tersebut akan dikeluarkan kepada peniaga sekiranya terdapat sebarang peningkatan harga yang melampau.

Sebagai sebuah caring ministry, Kementerian telah meningkatkan keberadaan (*omnipresence*) demi menjaga kepentingan pengguna dengan menempatkan pegawai-pegawai penguatkuasa di lokasi-lokasi terpilih yang menjadi tumpuan orang ramai. Langkah ini, bertujuan mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan beretika melalui kehadiran pegawai-pegawai penguatkuasa.

SULIT

NO. SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 27 JULAI 2017

RUJUKAN : 9971

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kedudukan kes pengganas Daesh di negara kita dan ancamannya dari segi bilangan tangkapan dan langkah-langkah pencegahan yang diambil.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Ancaman daripada kumpulan militan terutama Daesh di Malaysia ialah realiti dan boleh memberi kesan negatif terhadap keselamatan negara pada masa hadapan sekiranya tidak dibendung di peringkat awal. Untuk itu, usaha memerangi kegiatan militan Daesh merupakan matlamat paling utama dan jelas kepada Kerajaan Malaysia.

Sehubungan itu, sehingga 30 Jun 2017 seramai 442 orang telah ditahan bagi kesalahan-kesalahan berkaitan keganasan dan keselamatan. Daripada jumlah tersebut, 310 tangkapan membabitkan ahli kumpulan pengganas Daesh dan selebihnya bagi lain-lain kumpulan pengganas.

Sejak Februari 2013, PDRM telah berjaya menggagalkan 15 cubaan serangan kumpulan militan Daesh. Ini jelas membuktikan komitmen Kerajaan untuk membendung elemen kumpulan pengganas Daesh daripada terus berkembang dan mengancam keselamatan.

Antara tindakan drastik yang dilakukan adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan dibuat melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan melibatkan kerjasama agensi-agensi

keselamatan negara terutamanya oleh PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pada masa yang sama, kawalan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuklah kawalan di sepanjang sempadan Malaysia. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan undang-undang yang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat Malaysia melalui operasi dan tangkapan yang dilancarkan oleh PDRM dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, beberapa pendekatan turut diambil bagi tujuan penambahbaikan kepada aspek keselamatan dalam negara seperti berikut:

(a) mempertingkat pengumpulan maklumat risikan berhubung aktiviti pengganas yang berpotensi menggugat keselamatan dan kedaulatan negara;

(b) kerjasama erat dengan agensi perisikan dan keselamatan Indonesia, Thailand serta Filipina bagi mematahkan sebarang cubaan meloloskan diri kumpulan pengganas ke Malaysia;

(c) meningkatkan keupayaan dan kepakaran teknologi sedia ada; dan

(d) menjalin kerjasama dengan semua Agensi/ Jabatan Kerajaan, swasta, NGO, parti politik dan segenap lapisan masyarakat bagi mengekang pengaruh kumpulan pengganas.

NO.SOALAN : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**
TARIKH	:	**27.7.2017 (KHAMIS)**

Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan statistik terkini jumlah pendaftaran perniagaan oleh pelajar institut pengajian tinggi (IPT) secara percuma melalui skim 1 Pelajar 1 Perniagaan sejak dilancarkan awal tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Statistik pendaftaran perniagaan oleh pelajar institut pengajian tinggi (IPT) sehingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak 10,447 perniagaan. Pakej pemberian insentif yang dikenali sebagai Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (1P1P) merupakan inisiatif Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang terkini melibatkan golongan belia, khususnya pelajar telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak di dalam Program ONE pada 4 Disember tahun lalu.

SOALAN NO: 33

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]**

TARIKH : **27 Julai 2017**

SOALAN : **Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

inisiatif-inisiatif yang telah diambil untuk membantu penternak-penternak ikan koi di Kampung Baru Bali, Tronoh. Adakah Kerajaan Pusat akan membangunkan industri ikan hiasan ini dengan berunding dengan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan isu tanah kolam yang berpanjangan sekian lama di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dalam membantu penternak-penternak ikan hiasan termasuk penternak-penternak ikan koi di Kampung Baru Bali, Tronoh, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah menyediakan bantuan sistem penyampaian dan khidmat sokongan akuakultur (SPeKS Akuakultur). Bantuan tersebut merangkumi semua program perkhidmatan Jabatan Perikanan Malaysia termasuk khidmat nasihat berkaitan Amalan Akuakultur Baik seperti pendaftaran ladang mengikut keperluan eksport, surveilan penyakit ikan, latihan pencegahan dan kawalan penyakit, pelupusan ikan berpenyakit, dan input dalam bentuk teknologi, peralatan serta infrastruktur.

Hasil daripada program SPeKS Akualkultur tersebut, pada tahun 2016 sejumlah 1.5 juta ekor ikan hiasan bernilai RM1.5 juta berjaya dikeluarkan oleh 35 orang penternak ikan koi di Tronoh bagi pasaran domestik dan antarabangsa.

Kerajaan Negeri Perak juga telah menyerahkan pengurusan tanah di Lawan Kuda, Gopeng, Perak seluas 265 hektar kepada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak

untuk pembangunan industri perikanan akuakultur termasuk ikan hiasan. Sehingga kini seramai 100 orang pengusaha ikan hiasan sedang mengoperasikan ternakan di kawasan tersebut.

Dalam menyelesaikan isu tanah kolam di kawasan tersebut, perbincangan telah diadakan di antara Jabatan Perikanan Negeri Perak dan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak. Walau bagaimanapun, berdasarkan semakan dengan Pejabat Daerah Batu Gajah didapati tanah berkenaan telah mempunyai hak milik.

SOALAN NO: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT]

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 34

PR-1352-L01512

Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bagaimana Kementerian dapat meningkatkan perkhidmatan telekomunikasi yang sangat lemah di luar bandar Sarawak memandangkan Kerajaan Negeri Sarawak sekarang amat serius untuk membangunkan ekonomi digital.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan perkhidmatan telekomunikasi di negeri Sarawak terutamanya di kawasan luar bandar.

SOALAN NO: 34

Kerajaan Negeri Sarawak komited untuk memulakan pembangunan Ekonomi Digital melalui pelaburan sebanyak RM 1 billion untuk membangunkan infrastruktur komunikasi bagi memastikan penembusan dan kelajuan Internet dipertingkatkan. Pihak Kerajaan melalui SKMM telah melaburkan lebih RM 2 billion untuk perkembangan infrastruktur di negeri Sarawak sejak tahun 2008 sehingga kini.

Pelaburan tersebut boleh dilihat dengan pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur komunikasi termasuklah inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada. Sehingga kini, sebanyak 401 menara komunikasi baharu telah siap dan diaktifkan dan 11 menara sedang dalam peringkat pelaksanaan di Sarawak. Selain itu, sebanyak 558 menara sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan 3G dan 373 menara sedia ada masih dalam peringkat penaiktarafan di Sarawak.

Kerajaan kini juga sedang giat melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar dan Jalur Lebar Luar Bandar di bawah inisiatif Peluasan Jalur Lebar Talian Tetap yang menyediakan insfrastruktur jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20Mbps di kawasan pinggir dan luar bandar. Sehingga kini, sebanyak 9,552 sambungan telah tersedia manakala 16,056 sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan di Sarawak.

Antara projek lain yang sedang dilaksanakan adalah pembinaan kabel gentian optik dasar laut yang menghubungkan Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak dalam inisiatif Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia (SKR1M) dengan jarak sambungan sepanjang 1229km yang akan

membekalkan kelajuan internet sehingga 4Tbps dan berkeupayaan untuk dinaiktaraf kapasiti sehingga 12Tbps sekiranya mempunyai permintaan.

Rekod terkini untuk peratusan peningkatan liputan 3G di kawasan berpenduduk dicatatkan sebanyak 73.5% untuk liputan 2G dan 71.8% untuk liputan 3G manakala 42.9% untuk liputan LTE. 825 menara komunikasi yang dibina dalam inisiatif komersil juga menyumbang kepada peningkatan liputan perkhidmatan 2G dan 3G ini di seluruh Sarawak.

Perkembangan infrastruktur dan perkhidmatan komunikasi di Sarawak diperkukuhkan lagi melalui Program Transformasi Luar Bandar yang telah ditubuhkan pada tahun 2016. Ini menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin di negeri ini memandang serius untuk memacu pertumbuhan ekonomi melalui Ekonomi Digital di Sarawak.

SOALAN (35)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	27 JULAI 2017 [KHAMIS]
DARIPADA	:	DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]
SOALAN	:	

YB DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah maklumat dan data yang telah dikumpulkan oleh Kementerian mengenai Transformasi Nasional 50 (TN50) sehingga kini dan apakah perancangan Kementerian melalui dasar dan inti pati TN50 ini dapat meningkatkan modal insan dan pembangunan masyarakat madani bagi membawa Malaysia menjadi sebuah negara maju yang lebih dihormati di semua peringkat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Transformasi Nasional 2050 (TN50) telah dilancarkan pada 19 Januari 2017 semasa Sesi Dialog Perdana di Universiti Malaya. TN50 merupakan kesinambungan kepada proses pembangunan tanahair bermula daripada Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971-1990, diikuti dengan Wawasan 2020 pada 1991-2020 dan kini Transformasi Nasional 2050. Proses pengumpulan aspirasi untuk TN50 bagi golongan belia dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Jabatan Perdana Menteri pula mengkoordinasikan input aspirasi golongan selain daripada belia yang dilaksanakan oleh semua kementerian/jabatan/agensi dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

Proses pengumpulan aspirasi TN50 ini menggunakan pendekatan *bottom up*. Ini bersesuaian dengan *trend* semasa iaitu segenap lapisan rakyat boleh dan terlibat sama dalam melakar masa hadapan negara melalui aspirasi yang dicadangkan. Secara tidak langsung, rakyat

Malaysia mempunyai tanggungjawab dan peranan yang penting dan bersama-sama Kerajaan mencorakkan masa hadapan negara.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai kaedah dalam memberikan kesedaran kepada rakyat tentang senario dunia pada tahun 2050 seterusnya mengumpulkan aspirasi rakyat bagi membentuk negara bangsa yang maju, mampan dan cemerlang pada tahun 2050. Antaranya dengan mengadakan sesi dialog, perbincangan meja bulat, mesyuarat bersama kumpulan fokus, penyediaan saluran komunikasi melalui media sosial dan sebagainya. Segala input yang diperolehi seterusnya akan didokumenkan sebagai dokumen dasar ke arah Malaysia pada tahun 2050.

Sejumlah 52,000 aspirasi melibatkan 1.4 juta belia telah dikumpul sehingga Jun 2017. Manakala bagi tempoh April 2017 hingga bulan Jun 2017, 8,300 aspirasi telah berjaya dikumpul daripada golongan selain belia melalui sesi libat urus bersama-sama 3,500 individu.

Sekian, terima kasih.

27 Julai 2017

NO SOALAN :36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. DATUK DR. EWON EDIN (RANAU)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 27.07.2017**

Y.B. DATUK DR. EWON EDIN [RANAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) berapakah jumlah hasil yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan daripada negeri Sabah dan Sarawak setiap tahun, termasuklah hasil yang diperolehi oleh Petronas; dan

(b) berapakah jumlah yang dikembalikan kepada kedua-dua negeri tersebut .

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Bagi tempoh 2014 hingga 2016, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM652.1 bilion, iaitu RM212.4 bilion

bagi tahun 2016, RM219.1 bilion (2015) dan RM220.6 bilion (2014). Daripada jumlah tersebut, kutipan hasil cukai Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM498.9 bilion, manakala bakinya yang berjumlah RM153.2 bilion merupakan hasil bukan cukai. Daripada hasil cukai, jumlah cukai yang dikutip di Sabah dan Sarawak bagi tempoh yang sama adalah sebanyak RM35.8 bilion iaitu 5.5% daripada hasil keseluruhan Kerajaan Persekutuan, iaitu RM13.8 bilion bagi tahun 2016, RM12.3 bilion (2015) dan RM9.7 bilion (2014). Kutipan cukai langsung dan tidak langsung di Sabah dan Sarawak adalah masing-masing berjumlah RM15.7 bilion dan RM20.1 bilion.

2. Walau bagaimanapun, kutipan cukai tersebut tidak menggambarkan hasil sebenar yang dijana di sesebuah negeri kerana pembayaran cukai bagi aktiviti perniagaan boleh dilaksanakan di luar dari negeri berkenaan. Sebagai contohnya, terdapat syarikat yang membayar cukai di LHDN Kuala Lumpur kerana mempunyai ibu pejabat di Kuala Lumpur sedangkan aktiviti syarikat sebenarnya adalah di negeri lain.

Tuan Yang Dipertua,

3. PETRONAS sebagai sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta

Syarikat 1965 menyediakan laporan kewangan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan kehendak peraturan perakaunan yang diperakui serta diaudit oleh juruaudit bertauliah.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendapatan PETRONAS bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM204.9 billion manakala pendapatan selepas cukai adalah sebanyak RM28.8 billion. Walau bagaimanapun, PETRONAS tidak mengakaunkan hasil dan perbelanjaan operasi mengikut negeri dan laporan kewangan yang telah diaudit adalah berdasarkan pendapatan keseluruhan bagi setiap syarikat di bawah kumpulan PETRONAS.

5. PETRONAS turut melaporkan kedudukan serta prestasi kewangan tahunan untuk pengetahuan umum dan maklumat tersebut boleh diakses melalui laman sesawang www.petronas.com.my/investor-relations. Antara perkara yang dilaporkan adalah prestasi kewangan serta operasi tahunan PETRONAS mengikut sektor huluan dan hiliran di mana prestasi setiap sektor pula dibahagikan mengikut operasi antarabangsa dan domestik.

Tuan Yang Dipertua,

6. Pemberian yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang dan keputusan-keputusan Majlis Kewangan Negara. Jumlah pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah masing-masing sebanyak RM3.2 bilion dan RM3.5 bilion, iaitu RM2.2 bilion bagi tahun 2016, RM2.3 bilion (2015) dan RM2.2 bilion (2014). Walau bagaimanapun, jumlah tersebut tidak termasuk peruntukan bagi membiayai program dan projek Kerajaan Persekutuan di Sabah dan Sarawak yang turut menyumbang kepada pembangunan secara langsung di negeri tersebut, contohnya pendidikan dan latihan, kesihatan, pengangkutan, dan lain-lain.

Soalan No: 37

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]

TARIKH : 27.7.2017

SOALAN :

Dato' Haji Mohd Fasiah Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah menengah seluruh negara yang menawarkan Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) dan bilangan murid yang berpeluang mengikuti program PIMA ini serta bidang kemahiran sektor industri teknikal yang ditawarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan peluasan kepada program perantisan yang ditawarkan di sekolah menengah vokasional (SMV) mulai tahun 2010 dan masih ditawarkan sehingga hari ini di kolej vokasional tertentu. Model ini melibatkan sesi pembelajaran di sekolah dan latihan di industri. Program ini bertujuan menyediakan alternatif pembelajaran kepada murid sekolah harian yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke kolej vokasional kerana permintaan yang tinggi dan tempat yang terhad serta bagi mengatasi keciciran murid di peringkat

menengah atas. Melalui program ini KPM berhasrat dapat melahirkan modal insan berkemahiran, yakin dan bersedia menyertai pasaran kerja.

KPM sedang melaksanakan rintis Program PIMA di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Rahman Putra, Selangor mulai Mac 2017 yang melibatkan enam buah industri berhampiran dengan sekolah tersebut dan 24 orang murid. Industri-industri yang terlibat adalah dalam bidang permotoran, penyelenggaraan kenderaan, penyediaan pakaian, kecantikan, kimpalan dan penyejukkan dan penyamanan udara. Pelaksanaan program rintis ini nanti akan dijadikan panduan untuk program ini diperluaskan ke seluruh negara. KPM bercadang untuk memperluaskan Program PIMA di 20 buah sekolah di seluruh negara pada tahun 2018.

Sebagai peluasan PIMA, setiap negeri dijangka dapat menawarkan program (1 negeri 1 sekolah) dengan mengambil kira kesediaan ibu bapa, sekolah dan pihak industri/syarikat. Bilangan murid yang mengikuti program ini adalah antara 15 – 30 orang setiap kelas. Bidang yang ditawarkan adalah bergantung kepada persetujuan antara pihak sekolah dan industri.

RJM34

NO. SOALAN: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN]

TARIKH : 27 JULAI 2017

RUJUKAN : 9972

SOALAN:

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah pihak polis akan menyelamatkan anak M. Indira Ghandi untuk dipulangkan kembali kepada ibu mereka seperti yang diperintahkan oleh mahkamah dan mengapa anak beliau masih bersama dengan ayah mereka Muhammad Riduan Abdullah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berkaitan kes ini, PDRM telah mengambil tindakan untuk mengesan penama Patmanathan A/L Krishnan @ Muhammad Ridzuan Bin Abdullah, KP 690526-08-5987 melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di alamat tempat tinggal yang pernah didiami oleh penama seperti berikut:

1. **No. 10-10A, Persiaran Pegoh 2, Taman Pengkalan Jaya, 31650 Ipoh, Perak;**

2. **No. 15, Persiaran Halaman Ampang 1, Taman Pelangi, 31350 Ipoh, Perak;**

3. **No. 17, Rancangan Perumahan Awam, Jelapang, 30020 Ipoh, Perak; dan**

4. **No. 39, Lorong Taman 2B, Taman Permata, 30100 Ipoh, Perak**

Hasil pemeriksaan dan pemantauan yang telah dibuat terhadap alamat berkenaan, penama tidak lagi menginap di alamat-alamat tersebut. Temu bual terhadap seorang lelaki Cina yang merupakan penghuni di alamat (1), memaklumkan beliau telah menginap di alamat tersebut sejak 6 tahun lalu dan pernah

berjumpa dengan penama di rumah tersebut dan tidak mengetahui di mana penama berada sekarang. Manakala penghuni di alamat (2) dan (4) telah memaklumkan penama merupakan adik ipar mereka namun tidak mengetahui di mana penama berada setelah penama berkahwin lain.

PDRM juga telah membuat siaran akhbar pada 29 April 2016 oleh Ketua Polis Daerah Ipoh memohon bantuan masyarakat untuk mengesan penama berkenaan, namun sehingga kini tiada pihak yang tampil memberikan maklumat. Pihak polis telah menyenaraihitamkan penama dan dimasukkan sebagai "*Wanted Person*" dalam sistem polis.

Sehubungan itu, waran untuk pengkomitan dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Ipoh, Saman Pemula No. 24-513-2009 yang dikeluarkan pada tarikh 30 Mei 2014 oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi Ipoh tidak dapat disempurnakan terhadap penama sehingga ke hari ini.

SULIT

NO. SOALAN: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD [KUALA TERENGGANU]**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017**
RUJUKAN	:	**9973**
SOALAN	:	

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah diambil untuk mengesan anggota ahli IS (Islamic State) yang memasuki Malaysia dari Timur Tengah.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah mengambil beberapa inisiatif dalam usaha menyekat kemasukan anggota-anggota kumpulan pengganas Daesh ke negara ini susulan tindakan menggempur kubu-kubu kuat Daesh di Timur Tengah.

Antaranya tindakan yang diambil adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik negara seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan ini dibuat dengan menggunakan konsep "Strategi Lautan Biru Kebangsaan" iaitu kerjasama agensi-agensi keselamatan negara terutamanya oleh pihak Polis dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Anggota terlibat turut dilengkapkan dengan senjata bagi meningkatkan keyakinan rakyat dan juga pelancong akan tahap keselamatan negara.

Pada masa yang sama, kawalan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuklah kawalan di sepanjang sempadan negara. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan berdasarkan undang-undang yang sedang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan

Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Kerjasama antara pihak Polis dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. Pihak PDRM juga berusaha gigih bagi menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat di negara ini. Ini dapat dilihat daripada segi operasi tangkapan yang dilancarkan oleh pihak Polis dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, beberapa pendekatan turut diambil bagi menambahbaik aspek keselamatan dalam negara seperti berikut:-

(a) Mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan berhubung aktiviti pengganas yang berpotensi untuk menggugat keselamatan dan kedaulatan negara;

(b) Kerjasama erat dengan agensi perisikan dan keselamatan Indonesia, Thailand serta Filipina bagi mematahkan secarang cubaan meloloskan diri kumpulan pengganas ke Malaysia;

(c) Meningkatkan keupayaan dan kepakaran teknologi sedia ada; dan

(d) **Menjalin kerjasama dengan semua agensi /Jabatan Kerajaan, swasta, NGO, parti politik dan segenap lapisan masyarakat bagi mengekang pengaruh kumpulan pengganas.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD [LIPIS]**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017 (KHAMIS)**
SOALAN	:	**40**

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah tahap penguatkuasaan terhadap kenderaan-kenderaan dari luar negara khususnya dari negara Thailand yang semakin hari semakin kelihatan bebas untuk keluar masuk ke dalam negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan Seksyen 21 dan 25 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 serta Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Peredaran Antarabangsa) 1967 membenarkan kemasukan sementara kenderaan-kenderaan persendirian dari negara-negara asing dan proses kemasukan ini dikawal oleh Kerajaan melalui pengeluaran Permit Peredaran Antarabangsa *(International Circulation Permit* - ICP) oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). ICP dikeluarkan terhadap kenderaan-kenderaan persendirian negara asing dari Thailand dan Indonesia yang memasuki Malaysia melalui jalan darat.

Pada masa ini, kenderaan asing dari Thailand diberi kelonggaran untuk memasuki Malaysia tanpa ICP dan insurans bagi jarak sejauh 2km. Kelonggaran ini diberikan sebagai timbal balas kepada kelonggaran yang diberikan oleh Kerajaan Thailand melalui persefahaman yang di persetujui di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand pada tahun 1993.

Kementerian ini juga akan memperkenalkan suatu kawalan kemasukan kenderaan asing yang lebih ketat dan sistematik melalui pelaksanaan sistem *Vehicle Entry Permit* (VEP). Sistem VEP ini akan dilaksanakan secara berperingkat dengan fasa pertama akan dikuatkuasakan di pintu sempadan Malaysia-Singapura mulai bulan September 2017 dan fasa 2 untuk sempadan Malaysia-Thailand bermula awal tahun 2018.

Sistem VEP merupakan inisiatif terbaik untuk dilaksanakan bagi mendaftar maklumat kenderaan dan merekodkan pergerakan keluar masuk kenderaan asing. Langkah ini penting untuk mempertingkatkan aspek-aspek keselamatan dan kawalan sempadan bagi kepentingan negara.

SOALAN NO: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 41

PR-1352-L02176

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah kesan Cyberbullying di Malaysia dan apakah tindakan Kementerian yang diambil dalam mengetatkan undang-undang untuk membendung cyberbullying.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang kes ataupun kesalahan yang dilakukan dalam talian termasuklah buli siber adalah tertakluk kepada undang-undang sedia ada yang sama seperti kesalahan yang dilakukan di dunia nyata.

SOALAN NO: 41

Kesalahan melibatkan kegiatan seperti ini boleh menjadi kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998), dan akan disusuli siasatan dan tindakan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sekiranya wujud elemen kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, khususnya bagi kandungan yang memenuhi intipati kesalahan berbentuk sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik.

Jika disabitkan kesalahan, pihak yang terbabit boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

Setakat Januari hingga Julai 2017, pihak SKMM telah menerima sebanyak **1,150** aduan awam yang boleh dikaitkan dengan buli siber, yang meliputi gangguan atau "*harassment*" dengan izin, ancaman, tindakan menakutkan serta penyalahgunaan maklumat, butiran atau gambar peribadi bagi tujuan penganiayaan dan untuk memalukan atau mengaibkan individu tertentu.

Walau bagaimanapun, kesalahan di Internet dan media sosial tidak hanya termaktub di bawah bidang kuasa pihak SKMM semata-mata. Ia juga turut tertakluk di bawah bidang kuasa agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM).

NO. SOALAN: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM

TARIKH : 27 JULAI 2017

RUJUKAN : 9974

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai pecahan pekerja asing mengikut negara asal mereka. Memandangkan pekerja asing Bangladesh telah menjadi kelompok PATI yang"Program Rehiring" dan merupakan kumpulan yang tidak ingin balik ke negara asal yang terbesar, kenapakah Kerajaan masih bercadang mengimport 1.5 juta pekerja asing dari Bangladesh.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program Penggajian dan Penempatan Semula (Program *Rehiring*) telah dilaksanakan secara atas talian melalui portal *rehiring.imi.gov.my* bermula pada 15 Februari 2016 sehingga 31 Disember 2017 bagi PATI dari 15 negara sumber sedia ada.

Program ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada PATI yang bekerja secara haram di Malaysia diberikan permit kerja yang sah bagi memenuhi sektor pekerjaan yang dibenarkan. Program ini juga merupakan salah satu iniasitif bagi membolehkan Kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam Negara bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan semasa serta memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan pekerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja.

Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), jumlah pekerja asing yang sah sehingga 30 Jun 2017 adalah berjumlah 1,781,598 orang. Pecahan statistik pekerja asing mengikut warganegara adalah seperti berikut:

i)	**Indonesia**	**-**	**728,870 orang**
ii)	**Nepal**	**-**	**405,898 orang**

iii)	Bangladesh	-	221,089 orang
iv)	Myanmar	-	127,705 orang
v)	India	-	114,455 orang
vi)	Pakistan	-	59,281 orang
vii)	Filipina	-	56,153 orang
viii)	Vietnam	-	29,039 orang
ix)	China	-	15,399 orang
x)	Thailand	-	12,603 orang
xi)	Sri Lanka	-	5,964 orang
xii)	Combodia	-	5,103 orang
xiii)	Laos	-	39 orang

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI**
[BATU PAHAT - PKR]

TARIKH : **27 JULAI 2017 (KHAMIS)**

SOALAN NO. 43

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sistem sokongan luaran dan program yang disediakan bagi menggerakkan program 'Positive Youth Development' (PYD) untuk mencapai tujuan menyediakan belia sebagai 'Rakan Kongsi Pembangunan Negara'.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Belia Malaysia yang dilancarkan pada 15 Mei 2015 telah mengetengahkan konsep *'Positive Youth Development'* (PYD) melalui Teras 1 DBM: Pembangunan Belia Positif. Ia merupakan satu pendekatan yang mengiktiraf potensi belia berdasarkan pengukuhan kesejahteraan hidup belia. Pendekatan ini mengubah pembangunan aset belia agar berkeupayaan untuk menyerlahkan potensi belia bagi mencapai Matlamat 8C. Matlamat 8C tersebut adalah *Caring* (penyayang), *Competent* (kecekapan), *Character* (perwatakan), *Confident* (keyakinan), *Cooperation* (kerjasama), *Considerate* (bertimbang rasa), *Competitive* (kompetitif) dan *Contribution* (sumbangan).

2. Dalam menyediakan golongan belia sebagai 'Rakan Kongsi Pembangunan Negara', pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengambil inisiatif dan usaha berterusan menerusi pelaksanaan program-program ke arah PYD. Program-program ini merupakan pendekatan yang mengiktiraf potensi belia, dibangunkan melalui cara yang positif serta bersesuaian dengan potensi di mana belia berada.

3. Justeru, antara program-program PYD yang dilaksanakan oleh KBS adalah seperti program Parlimen Belia Malaysia (PBM), Program Felo Perdana dan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) yang memenuhi kehendak belia serta mengiktiraf potensi

belia dengan cara yang positif. Program Parlimen Belia Malaysia contohnya, pandangan dan suara hati diberi keutamaan dan perhatian dimana usul yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Belia Malaysia (APBM) diangkat dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk tindakan seterusnya. Ini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan sentiasa menyediakan ruang kepada golongan belia sebagai 'Rakan Kongsi Pembangunan Negara'.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI]

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 44

PR-1352-L02283

Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kedudukan peratusan pembangunan internet jalur lebar terkini di kawasan Parlimen Kuala Krai.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penambahbaikan liputan komunikasi terutama di kawasan luar bandar merupakan usaha yang berterusan dilakukan oleh pihak Kerajaan.

Kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar yang menyediakan kemudahan jalur lebar dengan kelajuan

sehingga 20Mbps di kawasan pinggir dan luar bandar. Sehingga kini, terdapat sebanyak 456 sambungan dalam peringkat pelaksanaan yang melibatkan 1 ibusawat di Parlimen Kuala Krai.

Kementerian juga melaksanakan inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih di kawasan yang kurang diberi perkhidmatan di seluruh negara termasuklah di Parlimen Kuala Krai. Inisiatif ini melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G.

Sehingga kini, sebanyak 25 menara komunikasi baharu telah dibina dan diaktifkan di Parlimen Kuala Krai, manakala sebanyak 5 menara komunikasi lagi dalam peringkat pelaksanaan. Selain itu, sebanyak 34 menara sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G di Parlimen Kuala Krai.

NO SOALAN :45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE (PETALING JAYA UTARA)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 27.07.2017**

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab deposit sebanyak RM786 juta dipulangkan kepada konsortium Iskandar Waterfront Holdings (IWH) dan tidak dirampas, sedangkan perjanjian pembelian Bandar Malaysia dibatalkan akibat 'default' konsortium IWH kerana tidak membayar mengikut jadual walaupun pemanjangan masa telah diberikan banyak kali.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Menurut peruntukkan terma-terma di dalam Perjanjian Jual Beli Saham di antara TRX City Sdn Bhd dan syarikat IWH-CREC Sdn Bhd,

deposit yang telah dibayar oleh IWH CREC Sdn Bhd sebanyak RM741 juta hendaklah dipulangkan kerana perjanjian tersebut telah luput.

SOALAN NO: 46

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]**

TARIKH : **27 Julai 2017**

SOALAN : **Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan: -**

sama ada pihak Kementerian akan membuka semula permohonan lesen/permit nelayan pesisiran pantai memandangkan Kementerian melalui Jabatan Perikanan Laut Sarawak telah membekukan permohonan itu di Sarawak buat masa sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah melaksanakan pembekuan sementara ke atas semua permohonan lesen baru vesel Zon A termasuk lesen sampan khas, Zon B dan Zon C dalam usaha mengurangkan tekanan ke atas sumber perikanan. Berdasarkan kepada Kajian Sumber Tahun 1997/1998, sumber perikanan menurun kepada 0.21 tan meterik per kilometer persegi pada tahun 1997 daripada 2.56 tan metrik per kilometer persegi pada tahun 1971.

Bagi memastikan kelestarian sumber bekalan makanan disamping meneruskan pembangunan industri perikanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia memberi lebih tumpuan dan fokus kepada pembangunan perikanan laut dalam. Ia adalah sebagai alternatif kepada sumber bekalan ikan negara yang kini terdedah kepada pengeksploitasian sumber terutamanya di kawasan perairan pantai yang telah mencapai tahap optima.

Pembukaan semula permohonan lesen/permit baru kepada nelayan pesisiran pantai dikhuatiri kurang ekonomik kerana

nelayan perlu beroperasi lebih panjang (peningkatan kos operasi) bagi mendapatkan hasil yang setimpal. Selain itu, pertambahan lesen-lesen baru juga akan meningkatkan konflik di antara nelayan kerana kawasan penangkapan ikan yang terhad.

Berdasarkan kepada perangkaan Jabatan Perikanan Malaysia pada tahun 2016, jumlah vesel zon A yang berlesen di seluruh Malaysia (berjentera sangkut dan tidak berjentera) adalah berjumlah 37,530 buah. Sebanyak 14% daripada jumlah tersebut iaitu 5,256 buah vesel telah dilesenkan di Sarawak.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia bersedia untuk mengkaji semula keperluan membuka semula permohonan lesen/permit nelayan pesisiran pantai. Nelayan-nelayan tulen terutama yang termasuk dalam senarai e-kasih dan mendapat bantuan Program 1AZAM boleh diberi pertimbangan setelah melalui proses siasatan dan tapisan.

No. Soalan: 47
PR-1352-L02470

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL]**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017**
SOALAN	:	**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [BUKIT KATIL]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan secara terperinci nama-nama Menteri, Timbalan Menteri serta pegawai-pegawai mereka dan Ahli Parlimen, yang pernah menghadiri majlis dan program rasmi anjuran parti pemerintah Negara China di China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Katil atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hubungan parti politik antara negara turut memainkan peranan untuk memupuk hubungan politik mana-mana negara termasuk Malaysia dan China. Bertitik-tolak dari hakikat ini, adalah menjadi kelaziman bagi parti-parti politik untuk menjemput rakan politik mereka bagi menghadiri mesyuarat ataupun dialog tahunan.

3. Hubungan antara parti-parti politik Malaysia dengan negara luar secara amnya dikendalikan oleh Bahagian Hubungan Antarabangsa parti. Justeru, kehadiran ahli parti-parti politik Malaysia ke sebarang acara atau majlis rasmi anjuran parti politik negara luar termasuklah China adalah diuruskan oleh Bahagian Hubungan Antarabangsa parti itu sendiri. Jemputan kepada parti-parti politik di Malaysia disampaikan secara terus oleh Parti Komunis China tanpa melalui Kementerian Luar Negeri mahupun Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara.

4. Memandangkan segala persiapan dilakukan secara terus antara parti, Kementerian ini tidak mempunyai sebarang rekod mengenai senarai delegasi dari parti-parti di Malaysia yang mengadiri acara berkenaan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (48)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	27 JULAI 2017 [KHAMIS]
DARIPADA	:	YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]
SOALAN	:	

YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan program dialog Transformasi Nasional (TN50) yang dijalankan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Transformasi Nasional 2050 (TN50) telah dilancarkan pada 19 Januari 2017 semasa Sesi Dialog Perdana di Universiti Malaya. TN50 merupakan kesinambungan kepada proses pembangunan tanahair bermula daripada Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971-1990, diikuti dengan Wawasan 2020 pada 1991-2020 dan kini Transformasi Nasional 2050. Proses pengumpulan aspirasi untuk TN50 bagi golongan belia dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Jabatan Perdana Menteri pula mengkoordinasikan input aspirasi golongan selain daripada belia yang dilaksanakan oleh semua kementerian/jabatan/agensi dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

Proses pengumpulan aspirasi TN50 ini menggunakan pendekatan *bottom up*. Ini bersesuaian dengan *trend* semasa iaitu segenap lapisan rakyat boleh dan terlibat sama dalam melakar masa hadapan negara melalui aspirasi yang dicadangkan. Secara tidak langsung, rakyat

Malaysia mempunyai tanggungjawab dan peranan yang penting dan bersama-sama Kerajaan mencorakkan masa hadapan negara.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai kaedah dalam memberikan kesedaran kepada rakyat tentang senario dunia pada tahun 2050 seterusnya mengumpulkan aspirasi rakyat bagi membentuk negara bangsa yang maju, mampan dan cemerlang pada tahun 2050. Antaranya dengan mengadakan sesi dialog, perbincangan meja bulat, mesyuarat bersama kumpulan fokus, penyediaan saluran komunikasi melalui media sosial dan sebagainya. Segala input yang diperolehi seterusnya akan didokumenkan sebagai dokumen dasar ke arah Malaysia pada tahun 2050.

Sejumlah 52,000 aspirasi melibatkan 1.4 juta belia telah dikumpul sehingga Jun 2017. Manakala bagi tempoh April 2017 hingga bulan Jun 2017, 8,300 aspirasi telah berjaya dikumpul daripada golongan selain belia melalui sesi libat urus bersama-sama 3,500 individu.

Untuk makluman, lebih banyak aspirasi-aspirasi lain akan diperolehi melalui pelbagai aktiviti TN50 lain yang telah dirancang dan akan dilaksanakan. Semua aspirasi yang diterima daripada rakyat akan

diambilkira dalam menghasilkan visi Transformasi Nasional 2050 yang akan menjadi asas kepada rancangan pembangunan negara akan datang. Bertunjangkan konsep "Oleh Rakyat, Untuk Rakyat", Kerajaan komited untuk memenuhi aspirasi rakyat. Namun, kejayaan TN50 memerlukan sokongan padu dan usaha sama semua.

Sekian, terima kasih.

27 Julai 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017 (KHAMIS)**
SOALAN	:	**49**

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan penjelasan mengenai projek LRT yang akan dibina di Sarawak. Nyatakan jumlah kos yang terlibat, dan cara pembiayaan projek LRT ini. Apakah pendirian pihak Kementerian Pengangkutan terhadap projek ini dan adakah Kementerian pernah membuat kajian mengenai pelaksanaan projek LRT ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini Kementerian Pengangkutan masih belum menerima sebarang cadangan pembinaan projek keretapi termasuk projek Light Rail Transit (LRT) daripada pihak Kerajaan Negeri Sarawak. Sehubungan itu, Kementerian ini tidak dapat mengemukakan sebarang penjelasan berkenaan projek tersebut.

Walau bagaimanapun, bagi mana-mana cadangan pelaksanaan projek perkeretapian tidak kira samada di Semenanjung mahupun Sabah dan Sarawak, Kementerian Pengangkutan berpandangan adalah wajar dilaksanakan kajian kebolehlaksanaan (*feasiblity study*) terlebih dahulu. Ini adalah bagi memastikan sesuatu pelaburan tersebut dapat memberi pulangan yang optimum kepada Kerajaan.

NO. SOALAN: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW

TARIKH : 27 JULAI 2017

RUJUKAN : 9975

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan jumlah sebenar pendatang asing dengan izin (PADI & PATI) serta tindakan yang diambil tanpa menjejaskan semua sektor.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 30 Jun 2017, jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif di Malaysia adalah seramai 1,781,598 orang pekerja asing. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan PLKS oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, penggajian pekerja asing adalah hanya langkah sementara untuk menampung kekosongan jawatan di dalam sektor-sektor yang ditetapkan sehingga ianya dapat diisi oleh warga tempatan. Bilangan pekerja asing yang dibawa masuk adalah berdasarkan keperluan sebenar yang dipohon oleh majikan. Permohonan majikan ini akan disaring dan perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Hanya permohonan yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan akan diluluskan berdasarkan keperluan sebenar serta hanya dibenarkan untuk digajikan di dalam sektor 6 sektor formal Perkilangan, Pembinaan, Perkhidmatan, Pertanian, Perladangan dan Perlombongan dan Pengkuarian. Bagi sektor tidak formal, majikan turut dibenarkan untuk mengajikan pekerja asing sebagai pembantu domestik.

Selain itu, majikan yang telah diluluskan permohonan pengambilan pekerja asing adalah bertanggungjawap bagi menguruskan proses kemasukan, menjaga kebajikan pekerja asing sepanjang keberadaan

di dalam negara termasuk menguruskan penghantaran pulang pekerja tersebut ke negara asal.

Kerajaan turut mengambil langkah proaktif untuk mengatasi masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang bekerja secara haram di Malaysia. PATI yang sedang bekerja dengan majikan tempatan adalah diberi peluang untuk mendapatkan permit kerja yang sah melalui Program *Rehiring*. Kerajaan mengenakan syarat-syarat yang berkaitan terhadap PATI dan majikan untuk menyertai Program *Rehiring* dan memastikan mana-mana PATI yang tidak layak dihantar pulang ke negara asal mengikut prosedur sedia ada. Langkah –langkah ini diambil untuk sektor-sektor yang menggajikan pekerja asing tidak terjejas dan mengurangkan PATI dalam negara. Kerajaan juga telah menetapkan agar program *Rehiring* ini akan berjalan sehingga 31 Disember 2017.

Soalan No: 51

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [LUBOK ANTU]

TARIKH : 27.7.2017

SOALAN :

Datuk William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapa sebanyak 9 buah sekolah rendah kerajaan di kawasan Parlimen Lubok Antu masih menggunakan set generator untuk bekalan elektrik sedangkan bekalan elektrik 24 jam melalui grid daripada Sarawak Energy Sdn Bhd ada melintasi sekolah-sekolah berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha agar semua sekolah mendapat bekalan elektrik yang sempurna dan mencukupi termasuklah di Parlimen Lubok Antu. KPM juga sedang menyemak dan mengkaji bagi tujuan penyediaan peruntukan untuk kerja-kerja penyambungan bekalan elektrik dari grid ke sekolah yang masih menggunakan generator untuk bekalan eletrik di seluruh negara termasuk negeri Sarawak.

NO. SOALAN: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 27 JULAI 2017

RUJUKAN : 9976

SOALAN:

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan punca kelewatan pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam. Berapakah kos pembinaan Kompleks (ICQS) tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam dilaksanakan melalui kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta. Kelewatan pelaksanaan projek pembinaan ini disebabkan pemaju mengalami masalah dengan pembiaya utama mereka iaitu pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Namun telah diatasi selepas pemaju projek mendapatkan pembiayaan daripada Institusi Kewangan yang lain. Selain itu, kelewatan projek juga disebabkan isu-isu melibatkan kelulusan Lembaga Lebuh Raya dan PLUS Berhad bagi kerja-kerja pelebaran dan pelencongan jalan utama serta kelewatan pengalihan utiliti oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia. Selain itu, sebahagian tapak projek ini turut dicerobohi oleh pengusaha tempat letak kereta tidak berlesen sekali gus menyumbang kepada kelewatan projek.

Kemajuan projek ini dipantau rapi oleh YAB Timbalan Perdana Menteri melalui pelaporan mingguan. Beliau juga telah turun padang melihat kemajuan kerja di tapak pada bulan April dan Jun 2017. Isu kelewatan ini sedang/telah diambil tindakan sewajarnya oleh pemaju dan Kementerian. Kerja-kerja pembinaan pada masa ini sedang berjalan dengan rancak. Sementara itu, kos pembinaan bagi projek ini ialah sebanyak RM385 juta.

SOALAN (53)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27 JULAI 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
HAJI ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]

SOALAN :

YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN MUSA [KETEREH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan unjuran terkini ekonomi negara hingga Jun atau separuh pertama 2017.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2017, ekonomi Malaysia dianggarkan akan berkembang pada kadar 4.3 - 4.8 peratus seperti yang dilaporkan oleh Bank Negara Malaysia pada bulan Mac 2017. Meskipun begitu, unjuran ini akan disemak semula berdasarkan prestasi ekonomi negara yang memberangsangkan terutamanya pada suku pertama 2017 di mana Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berkembang sebanyak 5.6 peratus.

Bagi tempoh suku kedua 2017, ekonomi negara dijangka akan mengekalkan momentum pertumbuhan berdasarkan indikator ekonomi semasa, seperti peningkatan pengeluaran komoditi utama, perkembangan aktiviti perindustrian dan prestasi pertumbuhan dua digit bagi perdagangan luar. Selain itu, kerancakan ekonomi domestik terutamanya pelaburan swasta turut menyumbang kepada pengukuhan ekonomi bagi suku kedua 2017.

Berdasarkan indikator di atas serta pemulihan ekonomi global, ekonomi negara dijangkakan berkembang dengan lebih baik pada separuh

pertama tahun 2017 berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Jangkaan peningkatan ini adalah sejajar dengan unjuran daripada pelbagai agensi penarafan antarabangsa seperti Barclays, JP Morgan Chase dan Nomura Securities yang turut menjangkakan pertumbuhan ekonomi negara pada tahun ini melebihi paras 5.0 peratus. Prestasi yang positif ini juga adalah hasil perlaksanaan program dan projek berimpak tinggi yang dijalankan oleh Kerajaan dalam memastikan keupayaan negara untuk menghadapi ketidaktentuan ekonomi global yang mencabar.

Sekian. Terima kasih.

27 Julai 2017

SOALAN NO. : 54

DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS [BETONG]**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017**

SOALAN:

Dato' Sri Douglas Uggah Embas [Betong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah perkembangan usaha ke arah matlamat mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau ("Green House Gas") sebanyak 45% menjelang 2030 yang Malaysia janjikan di COP 21.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia telah meratifikasikan Perjanjian Paris pada 16 November 2016. Antara tindakan susulan Perjanjian Paris yang perlu dilaksanakan adalah menyediakan dan mengemukakan sasaran pengurangan pelepasan gas rumah kaca (greenhouse gases – GHG) yang dikenali sebagai Nationally Determined Contributions (NDC) setiap 5 tahun sekali. NDC merupakan sumbangan negara kepada usaha global untuk menangani impak perubahan iklim.

Menurut NDC tersebut, Malaysia berhasrat untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) sebanyak 45% berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2005menjelang tahun 2030. Daripada keseluruhan sasaran pengurangan ini, 35% akan dilaksanakan tanpa syarat (*unconditional*) manakala baki 10% lagi adalah bersyarat (*conditional*) dan tertakluk kepada penerimaan peruntukan kewangan, pemindahan teknologi, dan pembangunan kapasiti daripada negara maju.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mencapai sasaran NDC negara, Kerajaan sedang membangunkan *Roadmap for Effective Implementation of NDC and Adoption to the Paris Agreement.* Roadmap ini dibangunkan untuk mengenalpasti strategi,

kaedah, dan keperluan pelaksanaan tindakan mitigasi dan adaptasi oleh pelbagai sektor berkaitan bagi mencapai sasaran NDC negara.

Dalam masa yang sama, bagi mencapai sasaran NDC negara, kerajaan melalui kementerian dan agensi di bawahnya telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk mengurangkan pelepasan GHG di bawah sektor-sektor utama GHG negara seperti sektor tenaga, pengangkutan, sisa pepejal, proses industri dan pertanian seperti berikut:

a. Menggalakkan penjanaan tenaga elektrik boleh diperbaharui melalui mekanisme *Feed-in Tariff* (FIT);

b. Melesenkan penjanaan tenaga elektrik boleh diperbaharui di luar mekanisme FIT;

c. Menggalakkan pembangunan loji biogas di bawah *National Key Economic Area* (NKEA) di bawah *Economic Transformation Programme* (ETP);

d. Menggalakkan aktiviti kitaran semula bagi mengelakkan penjanaan dan pelepasan gas metana akibat daripada pembuangan sisa organik di dalam tapak pelupusan;

e. Mempertingkatkan kawasan hutan simpan yang mampu menyerap gas rumah kaca;

f. Membangunkan sistem pengangkutan awam darat berunsurkan rel;

g. Menggalakkan penggunaan gas asli sebagai bahan api kenderaan pengangkutan awam;

h. Membangunkan program bio-diesel B5;

i. Mewujudkan dan menggalakkan penggunaan sistem pengiktirafan kecekapan bangunan;

j. Menggalakkan penggunaan kenderaan cekap tenaga (*Energy Efficient Vehicles* – EEVs);

k. Menetapkan sasaran pengurangan penggunaan tenaga 5% oleh bangunan-bangunan kerajaan; dan

l. Menggalakkan penggunaan teknologi hijau menerusi program (*Green Technology Financing Scheme* – GTFS)

Inisiatif-inisiatif ini menyumbang secara langsung kepada sasaran pengurangan intensiti pelepasan GHG di dalam NDC negara.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG]

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

RUJUKAN : 9977

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Jawatankuasa yang ditubuhkan selepas RCI Sabah telah mendapat bukti-bukti terperinci berkenaan dengan pendedahan yang ditulis oleh Dr. Chong Eng Leong dalam muka surat 74 buku 'Lest We forget / Jangan Kita Lupakan' yang di mana beliau telah mendedahkan bahawa Datuk Musa Aman, Datuk Yahya Husin, Jabar Khan dan Arwah Datuk Malek Chua telah dikaitkan sebagai Pasukan Petugas Khas UMNO Sabah yang bertugas antara 1991-1993 untuk merekrut pendatang asing yang telah diberikan Kad Pengenalan.

JAWAPAN:

Kerajaan melalui Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mengatasi cabaran dan isu-isu berbangkit bagi melaksanakan pelan tindakan yang dirumuskan oleh Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah. Antara lainnya, langkah proaktif ini termasuk pemerkasaan penguatkuasaan, pengusiran pendatang asing tanpa izin (PATI), kerjasama dengan Kerajaan Filipina dalam mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan kepada tahanan yang hendak diusir serta penggunaan terma 'Rekod Kelahiran' bagi dokumen pendaftaran kelahiran Bukan Warganegara di Sabah untuk membezakan dengan jelas dokumen pendaftaran kelahiran bagi Warganegara dan Bukan Warganegara di tersebut.

Justeru, Kementerian ini ingin menegaskan agar semua pihak bekerjasama serta memfokuskan matlamat untuk menjayakan usaha bagi memperkukuh mekanisme pengurusan warga asing di Sabah dan tidak terpengaruh dengan dakwaan tidak berasas yang boleh mengganggu gugat keselamatan negara dan kesejahteraan masyarakat.

SOALAN NO: 56

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**
TARIKH	:	**KHAMIS, 27 JULAI 2017**
RUJUKAN	:	**L1 [PR-1352-L01962]**
SOALAN	:	

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan secara terperinci mengenai tanah-tanah DBKL yang dijual sepanjang 2016 hingga sekarang meliputi keluasannya, lokasi, harga jualan, kegunaan sekarang, projek pembangunan yang dirancangkan ke atas setiap lot tanah dan namakan pembeli-pembelinya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, di sepanjang tahun 2016 hingga 14 Julai 2017, sebanyak 15 perjanjian penjualan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dimuktamadkan. Jumlah keseluruhan tanah berkenaan adalah seluas 66.93 ekar dengan harga jualan keseluruhannya berjumlah RM331.6 juta.

Tanah-tanah yang telah dijual ini akan dibangunkan dengan pembangunan yang bersesuaian dengan guna tanah dan potensi tanah berkenaan. Daripada 15 perjanjian penjualan tanah berkenaan, 10 projek akan dibangunkan dengan pembangunan perumahan termasuk pembangunan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP). Selebihnya, pelbagai inisiatif pembangunan seperti ruang perniagaan, perdagangan dan pangsapuri servis akan dilaksanakan.

SOALAN NO: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN

TARIKH: 27 JULAI 2017

SOALAN:

Dr. Mansor bin Abdul Rahman [Sik] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan Pelaksanaan *Employer Mandatory Commitment* (EMC) menyatakan bahawa bermula 1 Januari 2017, majikan perlu menanggung kos bayaran levi pekerja asing yang melibatkan permohonan baru dan pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS). Bagaimanakah dengan majikan yang telah membuat bayaran levi bagi pekerja asing sedia ada pada tahun 2016, adakah dibenarkan membuat potongan gaji.

PR-1352-L02128

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah menetapkan bahawa setiap majikan yang membuat permohonan pekerja asing baharu hendaklah menandatangani Surat Aku Janji Majikan (*Employers Undertaking*) mulai 1 Januari 2017. Surat Aku Janji tersebut mengehendaki majikan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pekerja asingnya bermula dari peringkat kemasukan, penggajian sehinggalah penghantaran pulang pekerja tersebut ke negara asal.

2. Namun begitu, Kerajaan telah menangguhkan pelaksanaan item (i) dalam Surat Aku Janji tersebut iaitu majikan hendaklah membayar levi pekerja asing selaras dengan Akta Fi 1951 sehingga 1 Januari 2018. Penangguhan tersebut adalah susulan daripada permintaan pihak majikan supaya Kerajaan memberi tempoh peralihan yang sewajarnya kerana kebanyakan majikan memerlukan masa untuk menstrukturkan semula kos-kos pengurusan dan pengoperasian masing-masing.

3. Selain itu, mengenai majikan yang telah membuat pembayaran levi pekerja asing pada tahun 2016, majikan yang telah mendahulukan pembayaran levi tersebut boleh membuat potongan gaji bulanan pekerja asing dengan syarat telah memperoleh kebenaran daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dan potongan gaji bulanan tidak melebihi 50% sepertimana peruntukkan di bawah Seksyen 24, Akta Kerja 1955.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 58

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan keputusan terkini kerajaan dalam usaha mencari MH370. Ini adalah mengikut penemuan terbaru oleh pasukan daripada *Commonwealth Scientific and Industrial Research Organization* (CSIRO) di mana boleh meningkatkan peratusan penemuan MH370 secara ketara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, operasi pencarian pesawat MH370 oleh pasukan operasi melibatkan Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China (RRC) di kawasan tambahan seluas 120,000 kilometer persegi di Lautan Hindi telah selesai dilaksanakan dan digantung pada 17 Januari 2017.

Keputusan menggantung operasi pencarian pesawat MH370 adalah selaras dengan persetujuan yang dicapai pada Mesyuarat *Tripartite* Peringkat Menteri di antara Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China (RRC) yang telah diadakan pada 22 Julai 2016. Melalui mesyuarat tersebut, ketiga-tiga negara telah bersetuju sekiranya terdapat maklumat atau petunjuk baru yang sahih dan kukuh (*credible evidence*) diperoleh, maka operasi pencarian selanjutnya akan dipertimbangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan *First Principle Review* yang dikeluarkan oleh *Australian Transportation Safety Bureau* (ATSB) pada 20 Disember 2016 adalah berdasarkan kepada data-data terhad yang diperoleh serta maklumat-maklumat dan andaian yang dibuat oleh pasukan pakar hasil penemuan beberapa serpihan MH370. Walau bagaimanapun, pasukan pakar tidak dapat memberikan jaminan akan lokasi sebenar pesawat MH370.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan telah memohon supaya pihak *Australian Transportation Safety Bureau* (ATSB) dan pasukan pakar meneliti dan menganalisa semula semua data serta maklumat termasuk penemuan imej satelit terkini dan model arus (*drift modelling*) oleh *Commonwealth Scientific and Industrial Research Organisation* (CSIRO) bagi mencari bukti-bukti yang lebih kukuh akan lokasi sebenar pesawat MH370.

SOALAN (59)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27 JULAI 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]

SOALAN :

YB DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Kementerian-kementerian yang mencapai sasaran 100 peratus Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan di bawah Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) dan sejauh mana terkesan Transformasi Kesejahteraan Bumiputera terhadap projek berimpak tinggi termasuk berasaskan hasil dengan sasaran yang lebih tinggi kepada ekonomi negara.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 8 Kementerian mencapai sasaran 100% Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan di bawah Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) bagi tahun 2016. Kementerian-kementerian tersebut adalah seperti berikut:

1. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA)
2. Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW)
3. Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI)
4. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM)
5. Kementerian Luar Negeri (KLN)
6. Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NRE)
7. Kementerian Dalam Negeri (KDN)
8. Kementerian Belia Dan Sukan (KBS)

Pada 19 April 2017 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera atau *Bumiputera Economic Transformation Road Map* (BETR 2.0). BETR 2.0

ini adalah merupakan penambahbaikan kepada BETR 1.0 yang telah dilaksanakan Kerajaan sebelum ini. Ia adalah suatu road map yang menggariskan Hala Tuju Ekonomi Bumiputera dengan jelas, namun pada masa yang sama prioriti dan perlaksanaan akan ditambahbaik mengikut cabaran dan situasi semasa.

BETR 2.0 merupakan sebuah program strategik transformasi negara yang menggariskan dimensi dan pendekatan baharu dalam usaha Kerajaan memperkukuh penyertaan bumiputera dalam ekonomi negara. Kita kaji, perbetulkan dan perhalusi hala tuju agenda ekonomi melalui lima bidang utama iaitu modal insan, pekerjaan dan pendapatan; pembangunan keusahawanan, pemilikan ekuti korporat dan aset bukan kewangan.

Bagi membawa komuniti dan usahawan Bumiputera yang lebih berfokus, berdaya maju, kreatif serta inovatif dan bersedia untuk bersaing di peringkat global, Kerajaan telah menghasilkan satu lembaran berwajah baharu kepada perjuangan memperkasakan Agenda Bumiputera, yang dinamakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Transformasi Kesejahteraan Bumiputera atau TKB.

Di bawah BETR 1.0 yang dilaksanakan oleh TERAJU, sejumlah RM108.2 Billion nilai telah dicipta untuk Bumiputera melalui inisiatif-inisiatif yang merangkumi peluang perniagaan, pembiayaan serta pembangunan modal insan. Ini termasuklah peluang kepada syarikat-syarikat Bumiputera untuk mengambil bahagian dalam 13 projek-projek mega yang telah dikenalpasti seperti MRT Jajaran 1, LRT3, Lebuhraya Pan Borneo dan Menara Warisan Merdeka PNB dengan komitmen yang berjumlah RM54.89 bilion di bawah Program Peruntukan Khas Bumiputera *Carve-Out & Compete*.

Sekian, terima kasih.
27 Julai 2017

SOALAN NO. 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT

TARIKH : 27 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan memanjangkan tempoh jawatan IGP dan Ketua Hakim Negara. Jika ya, apakah sebab untuk berbuat demikian walaupun mereka telah mencapai umur persaraan. Adakah langkah tersebut akan menjejaskan semangat orang lain kerana peluang untuk kenaikan pangkat telah dimansuhkan.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Fasal (1) Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat YAB Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja yang bersidang pada 24 dan 25 Mei 2017 telah memperkenankan YAA Tan Sri Dato' Seri Md Raus bin Sharif yang sebelum ini telah dilantik sebagai hakim tambahan bagi Mahkamah Persekutuan untuk tempoh 3 tahun mulai 4 Ogos 2017 di bawah Fasal (1A) Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan, terus memegang jawatan Ketua Hakim Negara mulai tarikh dan untuk tempoh yang sama.

YAB Perdana Menteri sebelum memberi nasihat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas pelantikan YAA Tan Sri Dato' Seri Md Raus bin Sharif sebagai Ketua Hakim Negara telah mendapat pandangan daripada Anggota Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlantikan YAA Tan Sri Dato' Seri Md Raus bin Sharif sebagai hakim tambahan Mahkamah Persekutuan setelah mencapai umur 66 tahun dan 6 bulan adalah atas sembah cadangan dan nasihat Ketua Hakim Negara pada ketika itu, YAA Tun Arifin bin Zakaria kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 30 Mac 2017 sebelum YAA Tun Arifin bin Zakaria bersara. Cadangan dan nasihat itu telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaras dengan Fasal (1A) Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan.

Pelantikan ini bertujuan untuk mengekalkan pengalaman dan kepakaran perundangan beliau dalam menerajui Badan Kehakiman negara. Dalam hubungan ini, pelanjutan tempoh perkhidmatan sesuatu perjawatan tidak menafikan peluang kenaikan pangkat kerana kenaikan pangkat adalah berdasarkan merit.

Selain itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jawatan Ketua Polis Negara merupakan jawatan yang ditetapkan sebagai jawatan khas di bawah **Fasal 4 dan Fasal 5 Perkara 140 di bawah Pelembagaan Persekutuan** yang mana lantikan ke jawatan ini adalah tertakluk kepada

perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas perakuan Suruhanjaya Pasukan Polis dan dengan nasihat YAB Perdana Menteri.

Jawatan ini perlu disandang oleh pegawai kanan polis yang cekap, berhemah tinggi, berwibawa serta berpengalaman luas dalam bidang kepolisan dan pengurusan bagi memimpin pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Pada masa ini Suruhanjaya Pasukan Polis masih belum menerima apa-apa makluman bagi memanjangkan tempoh jawatan Ketua Polis Negara pada masa ini atau pelantikan Ketua Polis Negara yang baru.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY JUSOH**
KAWASAN	:	**SETIU**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017**
NO. SOALAN	:	**61**

SOALAN

Tuan Che Mohamed Zulkifly Jusoh [Setiu] meminta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan secara terperinci jumlah usahawan belia seluruh negara yang telah berjaya dilahirkan melalui Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) sejak ianya ditubuhkan sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia merupakan salah satu daripada inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan generasi muda menceburi bidang perniagaan. Program ini yang mula dilaksanakan sejak tahun 2014 adalah bertujuan:

i. memupuk dan menanam semangat keusahawanan di kalangan belia;
ii. merubah paradigma belia daripada pekerja menjadi pemilik atau pengusaha perniagaan; dan
iii. membentuk daya tahan dan jati diri di kalangan belia dalam mengendalikan perniagaan sendiri.

Program TUBE melibatkan tiga (3) fasa pelaksanaan yang merangkumi latihan fizikal ala-*boot camp* dan latihan asas menjalankan operasi perniagaan selama 21 hari di kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN). Ini diikuti oleh bimbingan dan pemantauan perniagaan melalui *Buddy System* selama 12 bulan di bawah fasa ketiga program.

Melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Program TUBE telah mendapat kerjasama yang padu dan berterusan daripada 35 rakan strategik meliputi pelbagai kementerian dan agensi di peringkat persekutuan dan negeri, institusi perbankan, badan bukan kerajaan (NGO) serta pihak swasta. Pelaksanaan program ini melibatkan peruntukan oleh Kerajaan sebanyak RM20 juta di bawah RMKe-10 dan sebanyak RM45 juta di bawah RMKe-11.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak dilaksanakan pada tahun 2014 sehingga 2016, sejumlah 1,436 orang peserta telah mengikuti program TUBE dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,425 orang (99%) telah mendaftarkan perniagaan. Sebanyak 5,291 peluang pekerjaan baharu telah berjaya diwujudkan melalui Program TUBE.

Bagi program TUBE 3.0 yang dilaksanakan pada tahun 2016, pemantauan melalui *Buddy System* oleh kaunselor perniagaan daripada SME Corp. Malaysia telah mula dilaksanakan bermula 1 Januari sehingga 31 Disember 2017.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017**
SOALAN	:	

YB. Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah terdapat bantuan tambahan bagi membaik pulih semula tempat-tempat pelancongan di Perlis seperti Taman Ular, Taman Burung dan kawasan perkelahan air terjun di Taman Negeri Perlis yang tidak diselenggarakan dengan baik akibat kekurangan bajet mempromosikan kawasan pelancongan ini.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bertanggungjawab dalam melaksanakan pembangunan projek yang telah diluluskan oleh pihak EPU dan membuat pemantauan sehingga pelaksanaan projek siap. Penyelenggaraan berkala akan dilaksanakan oleh pemilik projek iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Agensi Kerajaan Negeri bagi memastikan kemudahan pelancongan sentiasa terpelihara.

Kementerian juga telah memperuntukkan sejumlah RM16.55 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi menaiktaraf dan membaik pulih produk pelancongan di Negeri Perlis.

Kementerian komited untuk terus memperkasakan usaha dan promosi bagi memastikan produk pelancongan di Negeri Perlis akan dapat menarik lebih ramai pelancong ke negeri tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 63

Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah tidak ada kawalan terhadap tambang tiket penerbangan bagi syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia kerana sering kali berlaku kenaikan harga tiket penerbangan lebih-lebih lagi di musim perayaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan tambang domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Kerajaan memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran. Syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira faktor-faktor di atas, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission* - MAVCOM) pada 1 Mac 2016 dengan fungsi utama sebagai pengawal selia aspek ekonomi sektor penerbangan awam. Berdasarkan kepada Seksyen 17 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771), salah satu fungsi MAVCOM adalah untuk menggalakkan persaingan yang berkesan dalam industri penerbangan awam dengan menyediakan suatu persekitaran ekonomi yang membolehkan syarikat penerbangan Malaysia mengekalkan keupayaan mereka untuk bersaing dengan berkesan dalam pasaran penerbangan awam melalui cara yang menguntungkan, cekap, adil dan mampan.

Namun demikian, MAVCOM tidak menetapkan sebarang peraturan berhubung penetapan harga tambang penerbangan dan membenarkan syarikat-syarikat penerbangan untuk menetapkan harga tambang berdasarkan keputusan komersial mereka masing-masing. MAVCOM mempunyai kuasa untuk mengawalselia perkara yang berkaitan dengan persaingan di kalangan syarikat penerbangan.

Sehingga kini, harga yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat penerbangan adalah harga yang kompetitif.

SOALAN (64)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	27 JULAI 2017 [KHAMIS]
DARIPADA	:	YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL]
SOALAN	:	

YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini insiden pengangguran graduan (*graduate unemployment*) mengikut jurusan pengajian dan nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk tangani isu ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia mencapai guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran nasional sebanyak 3.4% bagi tahun 2016 (berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh (LPTB) 2016. Jumlah graduan menganggur berkurang daripada 33.8 peratus pada tahun 2015 kepada 33.6 peratus pada tahun 2016.

Ini selari dengan Laporan Kajian Pengesanan Graduan (LKPG) 2016 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang menunjukkan hanya 22.7 peratus daripada sejumlah 238,187 graduan yang masih belum berjaya mendapatkan pekerjaan dalam tempoh 6 bulan setelah tamat pengajian. Kadar ini telah menurun berbanding tahun 2015 yang mana 23.9 peratus graduan belum bekerja dalam tempoh yang sama. Sebagai makluman, graduan yang dikategorikan sebagai bekerja dalam konteks kajian ini merangkumi graduan yang sedang bekerja, melanjutkan pelajaran, meningkatkan kemahiran serta menunggu penempatan pekerjaan. Di samping itu, jumlah graduan menganggur dalam bidang Sastera dan Sains Sosial adalah paling tinggi iaitu sebanyak 51.8 peratus, diikuti dengan bidang Teknik sebanyak 18.6 peratus, bidang

Sains sebanyak 16.5 peratus, bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi sebanyak 8.1 peratus dan bidang Pendidikan sebanyak 5.0 peratus.

Kerajaan telah mengambil langkah proaktif menerusi inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) 2016 hingga 2020 telah mengunjurkan pewujudan peluang pekerjaan sebanyak 1.5 juta pekerjaan baharu menjelang tahun 2020. Dalam hal ini, Kerajaan turut memberi penekanan dalam mempertingkat kebolehpasaran graduan bagi menangani isu pengangguran di kalangan graduan.

Kerajaan turut melaksanakan pelbagai langkah intervensi bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Antara langkah-langkah yang diambil adalah:

i) Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) iaitu program untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran (*employability*) atau keupayaan graduan untuk mendapat pekerjaan dengan kerjasama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan swasta yang melaksanakan program SL1M sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Sejak penubuhannya sehingga 30 April 2017,

seramai 122,358 graduan telah berjaya dibantu secara langsung dan tidak langsung. Daripada jumlah ini, seramai 42,454 graduan berjaya mendapat pekerjaan dengan mendapat latihan berstruktur daripada syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dalam Program SL1M;

ii) Program Pentauliahan Profesional di mana para pelajar yang sedang belajar boleh mengikuti program ini bagi mendapatkan sijil yang diiktiraf oleh badan-badan bertauliah dan profesional dalam bidang-bidang yang berkaitan;

iii) Program *Finishing School* iaitu program yang dilaksanakan untuk pemantapan penguasaan Bahasa Inggeris yang dilaksanakan oleh IPTA bagi pelajar tahun akhir. Pelajar akan didedahkan dengan kemahiran yang diperlukan untuk ke alam pekerjaan seperti permohonan pekerjaan, temuduga dan penampilan diri. Pelajar juga diberi pilihan untuk mengambil kursus pendek tambahan bersijil bagi tujuan meningkatkan kebolehpasaran sendiri;

iv) *Apprenticeship Programme* yang memberi penekanan kepada latihan yang menjurus kepada meningkatkan kemampuan graduan

untuk merebut peluang pekerjaan di industri utama. Selepas tamat latihan, para peserta yang mengikuti program ini akan ditawarkan pekerjaan di syarikat-syarikat yang menyediakan latihan tersebut;

v) *Bridging Gap Programme* yang melengkapkan pengetahuan dan kemahiran graduan mengikut keperluan majikan. Modul latihan yang disediakan adalah dinamik dan fleksibel mengikut keperluan majikan. Setelah tamat, graduan akan ditawarkan pekerjaan di syarikat-syarikat yang terpilih; dan

vi) Program Latihan Keusahawanan yang mendedahkan graduan mengenai dunia keusahawanan dan memupuk minat mereka untuk menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Para graduan yang mempunyai atribut yang sesuai akan ditawarkan mengikuti program ini dengan modul-modul khas mengikut sektor-sektor tertentu seperti pertanian, francais dan sebagainya.

Di samping itu, Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi dengan menggalakkan industri beralih ke aktiviti rantaian nilai yang lebih tinggi. Langkah ini seterusnya dapat meningkatkan permintaan kerja berkemahiran tinggi di

kalangan industri dan seterusnya mampu mengurangkan masalah pengangguran khususnya di kalangan graduan.

Sekian, terima kasih.

27 Julai 2017

NO. SOALAN: 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 27 JULAI 2017

RUJUKAN : 9978

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah judi haram, termasuk Pusat Hiburan Keluarga (PHK), yang telah diberkas, disita, didenda dan ditutup selama-lamanya di Pulau Pinang antara 2013 hingga masa kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan secara berterusan untuk menangani kegiatan perjudian haram di dalam negara. Di samping melaksanakan "operasi dadu" terhadap premis-premis perjudian, polis turut memantau modus operandi yang digunakan sindiket sejak pertengahan tahun 2015 untuk mencari pelanggan baharu dengan mempromosikan aktiviti perjudian melalui media sosial seperti *Facebook*, *WeChat*, *WhatsApp*,, *Short Message Service* (SMS) dan laman web atau berselindung di sebalik Pusat Hiburan Keluarga (PHK) yang sah.

Pihak PDRM menghadapi kesukaran untuk mendakwa sindiket-sindiket perjudian di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 kerana memerlukan beban pembuktian yang tinggi dan terpaksa menuduh di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan yang mana hukumannya lebih rendah dan keadaan ini menyebabkan sindiket berani membuka semula pusat-pusat perjudian walaupun telah diserbu berulang kali.

Statistik jumlah serbuan dan tangkapan perjudian Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2013 sehingga Jun 2017.

TAHUN	SERBUAN BERJAYA					TANGKAPAN					RAMPASAN				
	MESIN JUDI	LOTERI AWAM	JUDI DLM BANGUNAN	JUDI TEMPAT BEBAS	BOOKIE KUDA / BOLA	MESIN JUDI	LOTERI AWAM	JUDI DLM BANGUNAN	JUDI TEMPAT BEBAS	BOOKIE KUDA / BOLA	MESIN JUDI	LOTERI AWAM	JUDI DLM BANGUNAN	JUDI TEMPAT BEBAS	BOOKIE KUDA / BOLA
2013	424	445	22	36	30	680	483	270	477	55	43185	59519	31382	6786	15524
2014	442	662	7	28	51	610	726	98	323	76	75202	127244	8274	76008	43507
2015	97	1405	6	17	20	410	1568	65	114	36	88404	277793	8147	17543	22867
2016	170	1374	12	22	69	264	1428	124	220	90	25795	144952	19341	69713	151267
JAN-JUN 2017	213	674	9	9	13	265	713	181	67	13	82975	28153	46559	30710	6299
JUMLAH	**1346**	**4560**	**56**	**112**	**183**	**2229**	**4918**	**738**	**1201**	**270**	**315561**	**637661**	**113703**	**200760**	**239464**

SOALAN NO : 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**
		[HULU LANGAT]
TARIKH	:	**27 JULAI 2017**
SOALAN	:	**66**

YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kaedah kawalan denggi menggunakan kawalan biologi Nyamuk *Aedes* yang disuntik bakteria '*Wolbachia*'.

Tuan Yang di-Pertua,

Bakteria *Wolbachia* di dalam nyamuk *Aedes aegypti* boleh menghalang pembiakan virus denggi, chikungunya dan Zika. Penggunaan nyamuk *Aedes* ber*Wolbachia* dapat menghentikan penularan penyakit-penyakit ini.

Terdapat dua kaedah penggunaan *Wolbachia* untuk kawalan nyamuk *Aedes* iaitu Penggantian (*Replacement Strategy*) dan Pengurangan Populasi (*Suppression Strategy*).

Dalam kaedah penggantian atau replacement strategy, nyamuk Aedes jantan dan betina yang mengandungi *Wolbachia* akan dilepaskan di lapangan dalam bilangan yang kecil. Nyamuk *Aedes* betina yang ber*Wolbachia* ini akan mengawan dengan nyamuk *Aedes* jantan liar dilapangan dan menyebarkan *Wolbachia* melalui pewarisan daripada ibu kepada anak-anak.

Malaysia telah mempelopori strategi pelepasan nyamuk jantan dan betina untuk tujuan penggantian nyamuk *Aedes aegypti* liar dengan nyamuk *Aedes aegypti* yang ber*Wolbachia*. Strategi ini tidak mempunyai kesan kepada ekosistem atau alam sekitar.

Wolbachia akan merencatkan replikasi virus denggi, Zika dan chikungunya di dalam nyamuk. Dengan yang demikian, virus ini tidak dapat disebarkan kepada manusia sekaligus menurunkan kadar risiko penduduk dijangkiti denggi, Zika dan chikungunya.

Kaedah penggunaan *Aedes* ber*Wolbachia* merupakan kaedah baru yang telah disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan telah mula digunapakai di beberapa negara seperti Australia, Brazil, Columbia, China, Indonesia, Vietnam, Tahiti, Thailand, Singapura dan California, USA.

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan teknik ini akan menyekat penularan denggi, Zika dan chikungunya. Dengan mengawal nyamuk *Aedes,* kita dapat juga mengawal ketiga-tiga beban penyakit ini sekaligus.

NO. SOALAN: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]

TARIKH : 27 JULAI 2017

RUJUKAN : 9979

SOALAN:

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik bilangan jumlah lesen agensi persendirian yang diberikan kepada syarikat keselamatan dan jumlah bilangan polis bantuan ataupun "auxiliary police" di negara kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 17 Julai 2017 terdapat 244 Agensi yang menggunakan khidmat Polis Bantuan atau *Auxiliary Police* dengan jumlah kekuatan seramai 30,418 Pegawai dan Anggota.

Bagi lesen agensi persendirian yang dikeluarkan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971, sebanyak 823 lesen telah diberikan kepada syarikat-syarikat kawalan keselamatan di seluruh Malaysia sehingga 17 Julai 2017.

SOALAN (68)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	27 JULAI 2017 [KHAMIS]
DARIPADA	:	YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]
SOALAN	:	

YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan Persekutuan untuk tidak menghukum Kerajaan Sarawak dengan menggunakan Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan Akta Wilayah Laut 2012 terhadap Petroleum Sarawak (Petras).

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Sarawak dan PETRONAS sentiasa berbincang dan bekerjasama dalam membuat kajian dan penilaian daripada segi teknikal dan komersil bagi membangunkan sektor minyak dan gas di Sarawak. Buat masa ini, bentuk hubungan dan kaedah kerjasama antara Kerajaan Negeri Sarawak dan PETRONAS untuk penglibatan dalam sektor minyak dan gas di negeri Sarawak masih di peringkat perbincangan.

Ingin ditegaskan bahawa peluang serta penglibatan Kerajaan Negeri Sarawak mahupun syarikat-syarikat Sarawak di dalam bidang minyak dan gas telah wujud dan tidak pernah terjejas meskipun dengan adanya Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan Akta Wilayah Laut 2012. Sehingga kini, terdapat 439 syarikat milik Sarawak yang telah berdaftar sebagai pembekal kepada PETRONAS.

Sekian, terima kasih.

27 Julai 2017

SOALAN NO: 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 69

PR-1352-L02500

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :

(a) Apakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menambah menara pemancar telekomunikasi di bahagian Bintulu kerana masih terdapat kawasan-kawasan di sekitar bandar yang tidak dapat menerima isyarat telefon bimbit mahupun internet dengan bagus; dan

(b) Adakah perancangan rapi Kementerian untuk menambah baik rangkaian internet jalur lebar di kawasan Bintulu terutamanya kini Pelabuhan Samalaju sudah mula beroperasi.

SOALAN NO: 69

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 113 menara komunikasi telah pun dibina dan beroperasi dengan liputan 3G dan 4G di Parlimen Bintulu. Selain itu, sebanyak 55 menara sedia ada juga turut dinaiktaraf kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G bagi kemudahan pengguna di sekitar Bintulu. Berkenaan dengan liputan komunikasi di sekitar bandar Bintulu, terdapat perancangan pembinaan menara baru melibatkan 7 lokasi dan juga penaiktarafan 37 menara sedia ada ke liputan 4G dalam penambahbaikkan perkhidmatan jalur lebar yang akan dilaksanakan secara berperingkat bermula penghujung tahun 2017 dan dijangka akan siap sepenuhnya pada 2019.

(b) Bagi menambahbaik rangkaian jalur lebar talian tetap di kawasan Bintulu, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan inisiatif yang berikut iaitu :

Inisiatif	Siap Dilaksanakan	Dalam Pelaksanaan
Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB)	10,560 port	-
Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB)	3,200 port	32 port

Bagi kawasan Pelabuhan Samalaju pula, sebanyak 10 menara telah siap dibina dan beroperasi dengan perkhidmatan jalur lebar mudah

alih 3G dan 4G. Di samping itu, rangkaian teras gentian optik sepanjang 152 kilometer telah siap dipasang di bawah projek Jalur Lebar untuk Orang Ramai (BBGP) yang mampu menawarkan perkhidmatan jalur lebar di kawasan tersebut.

NO. SOALAN: 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN (SEPANG)

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) mengapakah Tan Sri Isa Samad dipilih oleh Kerajaan menggantikan Tan Sri Hamid Albar menerajui Suruhanjaya Pengangkutan Darat (SPAD) dalam keadaan beliau sedang di soal siasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan juga menyatakan bahawa beliau meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Felda Global Ventures Holding Bhd (FGV) kerana ingin memberi perhatian kepada tanggungjawab peribadinya; dan

(b) apakah Kerajaan benar-benar ketandusan individu yang layak untuk terajui SPAD selain Tan Sri Isa Samad.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) merupakan satu badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010, dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dengan jelas menggariskan bidang kuasanya.

2. SPAD adalah agensi Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan tanggungjawab pelaksanaan tadbir urus yang baik dipikul bersama oleh kesemua Anggota Suruhanjaya. Pada masa yang sama, sebagai sebuah Suruhanjaya, Kerajaan telah pun memastikan terdapat sistem semak dan imbang (*checks and balances*) di dalam pelaksanaan semua aktiviti dan operasi SPAD. Malah jawatankuasa audit Suruhanjaya serta bahagian undang-undang akan memastikan pihak pengurusan sentiasa mematuhi dan mengikuti tadbiran dan keperluan perundangan terkini ketika menjalankan tugas mereka.

3. Sejajar dengan peranan SPAD sebagai sebuah badan perancang yang profesional dan proaktif serta pengawal selia industri, SPAD mempunyai prosedur operasi standard (SOP) yang teratur dan terperinci. Kerajaan juga telah menetapkan garis panduan serta mekanisme kawalan untuk pelaksanaan projek-projek infrastruktur seperti LRT, MRT, KL-Singapura HSR dan ECRL untuk membangunkan pengangkutan awam darat dengan telus, amanah dan berintegriti.

4. Barisan pasukan pengurusan SPAD yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif sentiasa mengamalkan tahap tadbir urus yang tertinggi. Segala aspek pentadbiran dan pengurusan Suruhanjaya, termasuk operasi, perancangan, pelesenan serta penguatkuasaan adalah di bawah pentadbiran Ketua Pegawai Eksekutif dan barisan pengurusan SPAD.

5. YAB Perdana Menteri pada 19 Jun 2017 yang lalu telah mengumumkan pelantikan YB Tan Sri Mohd Isa Dato' Abdul Samad sebagai Pemangku Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

6. Pemangku Pengerusi Suruhanjaya dalam kapasiti Pengerusi bukan eksekutif akan memainkan peranan dalam mempengerusikan Mesyuarat Anggota Suruhanjaya bagi memastikan hala tuju strategik sepertimana yang terkandung di dalam Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG (ALOR GAJAH)

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

NO SOALAN : 72

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah insentif yang disalurkan kepada KRT yang mengamalkan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan apakah kebajikan yang diberikan kepada ahli SRS memandangkan SRS ini dapat membantu pihak PDRM mencegah kes jenayah di samping dapat mengeratkan lagi silaturahim penduduk setempat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Skim Rondaan Sukarela (SRS) ditubuhkan di bawah Akta Rukun Tetangga 2012 dengan fungsi sebagai pasukan rondaan sukarela yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga (RT). SRS bertindak membantu pihak berkuasa dalam membendung kegiatan jenayah dan gejala sosial di kawasan komuniti setempat melalui konsep kawalan dan juga rondaan.

Tugas SRS dijelaskan dalam Akta berdasarkan **Peraturan 18(1) Akta Rukun Tetangga 2012** iaitu Anggota SRS hendaklah mempunyai tugas yang berikut :

(a) Tugas meronda di dalam Kawasan sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga;

(b) Tugas mengawal di Pusat Kawasan pada apa-apa waktu sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah; dan

(c) Tugas mengawal di mana-mana premis, tempat atau lokasi di dalam Kawasan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah.

Komuniti Rukun Tetangga (KRT) yang melaksanakan pengoperasian SRS mendapat insentif tambahan yang diberikan Kerajaan iaitu pemberian bekalan peralatan asas rondaan SRS iaitu :-

i) Vest
ii) Baju Hujan
iii) Topi
iv) *Baton Light*
v) Lampu Suluh
vi) Cota
vii) Wisel
viii) Peti Ubat Kecemasan
ix) Kon Keselamatan
x) *Walkie Talkie*

Selain itu, Kerajaan juga memberikan peruntukan tambahan bagi pelaksanaan aktiviti atau program keselamatan oleh SRS di Kawasan Rukun Tetangga berkenaan. Insentif dari sudut lain adalah bantuan-

bantuan dari pelbagai agensi jaringan yang lain khususnya dalam memberi nasihat dan kepakaran dalam aspek keselamatan serta pemantauan keselamatan komuniti di kawasan tersebut.

Selain itu, ahli KRT yang mendaftar sebagai peronda SRS akan mendapat faedah perlindungan insurans berkelompok sebagai satu bentuk pengiktirafan dan kebajikan kepada mereka yang bertindak secara sukarela membantu pihak penguatkuasa tempatan melalui kerjasama dengan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dalam mencegah jenayah.

Di samping itu, Kerajaan juga sedang mengkaji kemungkinan untuk memberikan elaun kepada peronda SRS sebagai satu insentif tambahan.

Sekian, terima kasih.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Jabatan Perdana Menteri

NO. SOALAN: 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]
TARIKH : 27. 7. 2017 (KHAMIS)

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah langkah penyelarasan untung rugi pengusaha stesen-stesen minyak apabila berlaku penurunan harga petrol dan diesel.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Mekanisme penetapan harga mingguan mempercepatkan penyelarasan harga runcit petrol dan diesel dengan harga kos produk yang sebenar. Dalam hal ini harga runcit yang dikenakan adalah lebih hampir kepada dengan kos porduk berkenaan.

Kementerian telah mengadakan perbincangan bersama syarikat minyak pada 20 Jun 2017 dan pengusaha setesen minyak pada 6 Julai 2017 bagi membincang dan menambah baik pelaksanaan harga mingguan petrol dan diesel. Kementerian sedang menjalankan kajian terhadap pelaksanaan harga mingguan dan formula baru hanya akan diperkenalkan sekiranya terdapat bukti kukuh yang memerlukan perubahan kepada pelaksanaan harga mingguan yang sedia ada.

Tuan Yang Di-Pertua,

Syarikat minyak menyediakan insentif dengan menyediakan kemudahan kedai runcit di stesen-stesen minyak bagi membantu menambah pendapatan pengusaha stesen minyak melalui jualan barangan runcit di samping memberikan perkhidmatan dan kemudahan kepada orang awam. Selain daripada itu, syarikat minyak juga menjalankan program-program promosi di stesen minyak bagi menarik lebih ramai pelanggan ke kedai runcit tersebut. Pada masa yang sama, pengusaha stesen minyak dibenarkan untuk menambah atau membatalkan pesanan pembelian bekalan petrol dan diesel bagi mengawal stok bekalan di stesen minyak.

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP [SEKIJANG]

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 74

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah tahap kejayaan yang telah dicapai menerusi Program Pembangunan Perusahaan Luar Bandar di bawah Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dan apakah perancangan masa hadapan pihak Kementerian bagi terus memperkasakan pembangunan usahawan luar bandar.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) adalah merupakan satu usaha berterusan Kerajaan bagi memudahcara usahawan luar bandar untuk memperolehi pinjaman bagi mengembangkan perniagaan ke arah pemantapan perniagaan dan seterusnya pendapatan dan mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) di kalangan penduduk luar bandar. Tahun 2017 adalah merupakan tahun keenam belas (ke-16) penubuhan program SPED bagi usahawan Bumiputera di Luar Bandar semenjak ditubuhkan pada tahun 2001.

Skop pembiayaan ini adalah meliputi pembelian mesin/peralatan, modal kerja dan ubah suai atau menaik taraf premis perniagaan. Keunikan skim pembiayaan ini adalah ianya tidak mengenakan syarat cagaran/ penjamin, bayaran perkhidmatan berasaskan jumlah baki pinjaman semasa dan tempoh penangguhan bayaran balik selama enam (6) bulan bagi memberi peluang kepada peminjam

menjanakan pendapatan. Dua (2) buah bank pelaksana bagi SPED adalah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank).

Sepanjang tempoh pelaksanaan SPED dari tahun 2001 sehingga 30 Jun 2017, seramai 3,791 orang usahawan Bumiputera luar bandar telah diluluskan dengan pembiayaan SPED dengan nilai berjumlah RM381 juta yang meliputi seluruh Malaysia. Secara keseluruhannya usahawan luar bandar yang menerima kemudahan pembiayaan ini juga telah berjaya meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya 20 peratus yang membuktikan agenda mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Luar Bandar (MPPB) di kalangan masyarakat luar bandar termasuk belia luar bandar telah tercapai.

KKLW melalui 6 Fokus Utama Kementerian telah menggariskan Ekonomi dan Keusahawanan sebagai tunjang untuk menjana pendapatan lebih tinggi melalui penglibatan aktiviti ekonomi dan keusahawanan serta mencipta peluang pekerjaan. Kedua-dua fokus ini mempunyai matlamat untuk

meningkatkan pendapatan isi rumah penduduk luar bandar sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan menjelang 2020 dan memartabatkan perniagaan Bumiputera serta mewujudkan entiti pemasaran produk Luar Bandar bagi menembusi pasaran kuasa beli tinggi. Antara program-program yang dirancang adalah wewujudkan Rural Premium Outlet (RPO), memperluas Perniagaan *Online Business* di Luar Bandar, menggalakkan penglibatan pelajar IPTA/IPTS dalam bidang keusahawanan melalui program U2Desa dan mengembangkan perniagaan belia luar bandar melalui program Rural Business Challenge (RBC-CEO Desa).

SOALAN (75)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	27 JULAI 2017 [KHAMIS]
DARIPADA	:	YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

SOALAN :-

YB Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan **apakah usaha Kerajaan untuk memastikan Pili Bomba dapat disediakan kepada penduduk rumah panjang di Sarawak.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah rumah panjang yang berdaftar dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sarawak sehingga tahun 2016 adalah sebanyak 2,426 buah rumah. Melalui hasil pemeriksaan pili bomba yang dilakukan pada setiap tahun, sehingga tahun 2016 jumlah pili bomba yang telah dipasang di kawasan rumah panjang adalah sebanyak 499 unit.

Bagi pemasangan pili bomba baru di rumah-rumah panjang, JBPM Negeri Sarawak juga merujuk kepada perkara-perkara berikut:

(i) memberikan fokus kepada kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan berisiko atau mendapat permohonan dari orang ramai;

(ii) memastikan kawasan yang dicadang untuk dipasang pili bomba baru hendaklah mempunyai saliran bekalan paip utama sekurang-kurangnya 100 mm diameter; dan

(iii) mengenalpasti anggaran kos pemasangan serta mendapat persetujuan dari pihak berkuasa air untuk menjalankan kerja-kerja pemasangan pili bomba baru.

JBPM Negeri Sarawak juga sentiasa berbincang dan bekerjasama dengan Syarikat Air Negeri Sarawak agar perancangan pemasangan pili-pili bomba yang baru dilakukan dengan lebih efektif.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

NO SOALAN :76

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. DATO' SRI BUNG MOKHTAR BIN RADIN (KINABATANGAN)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 27.07.2017**

Y.B. DATO' SRI BUNG MOKHTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah kesungguhan kerajaan dalam mengekang aktiviti syarikat-syarikat "Skim Cepat Kaya" yang beroperasi dalam Negara tanpa kebenaran dan sering membuat penipuan. Apakah perancangan Bank Negara dalam memastikan kegiatan-kegiatan haram syarikat ini dapat dihentikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, bersama-sama soalan daripada Ahli Yang

Berhormat :

YB Kinabatangan (27.07.2017);

YB Kota Melaka (31.07.2017);

YB Ipoh Timur (02.08.2017); dan

YB Lipis (09.08.2017) memandangkan ianya menyentuh perkara dan isu yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai tindakan penguatkuasaan dan langkah pencegahan telah diambil oleh pelbagai agensi dalam usaha membanteras aktiviti skim cepat kaya, seperti berikut :

i) Menjalinkan kerjasama strategik melalui penubuhan *Sub-Committee on Offences related to Financial Fraud* (SCOFF) di bawah Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (*National Coordination Committee to Counter Money Laundering*) (NCC).

- Menggalakkan perkongsian maklumat dan kerjasama dalam penyiasatan aktiviti jenayah pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan; dan
- Menjalankan operasi serbuan bersama yang melibatkan

semua agensi penguatkuasa yang mempunyai kuasa penguatkuasaan di bawah undang-undang seliaan agensi masing-masing.

ii) Menubuhkan Jawatankuasa Penipuan Kewangan (JPK) dalam Talian (*Online Financial Fraud Taskforce*).

- JPK bertujuan untuk membanteras jenayah kewangan dalam talian dengan lebih berkesan melalui kerjasama strategik di antara ahli, iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Bank Negara Malaysia (BNM).

iii) Mengadakan kempen kesedaran kepada orang ramai yang meliputi pengumuman di media massa, seperti di akhbar-akhbar tempatan, siaran televisyen dan radio; juga program kesedaran dan pendidikan pengguna di peringkat nasional, seperti Hari Pengguna, Karnival Kewangan, Hari Koperasi Malaysia, Minggu Kesedaran Kewangan (M2K) serta Minggu Saham Amanah Malaysia yang dijalankan setiap tahun.

iv) Menyenaraikan nama-nama syarikat yang disyaki menjalankan skim-skim haram di laman sesawang kementerian / agensi.

- BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah mengambil langkah inisiatif dengan menyenaraikan nama

syarikat yang disyaki menjalankan skim-skim haram di laman sesawang agensi masing-masing; dan

- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) turut mempunyai senarai status pendaftaran syarikat jualan langsung di laman sesawang mereka.

v) Menyediakan saluran untuk orang ramai membuat aduan mengenai aktiviti haram syarikat *Multi Level Marketing* (MLM), skim cepat kaya, pelaburan emas dan pertukaran mata wang asing.

- BNM; Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) dan TELELINK

Laman Web : http://www.bnm.gov.my

No. Telefon : 1-300-88-5465

- SC; *SC Investor Alerts*

Laman Web : http://www.sc.com.my

No. Telefon : 03-8204 8999

- KPDNKK; Sistem E-Aduan KPDNKK

E-mel : e-aduan@kpdnkk.gov.my

• SKMM

Laman Web : http://www.aduan.skmm.gov.my

E-mel : aduanskmm@cmc.gov.my

No. Telefon : 1-800-888-030

Tuan Yang di-Pertua,

Antara punca utama aktiviti skim cepat kaya masih terus berleluasa di Malaysia adalah disebabkan sifat orang ramai yang terlalu percaya kepada janji-janji pulangan imbuhan yang terlalu tinggi oleh skim tersebut. Mereka cenderung mengambil risiko menyertai skim-skim yang ditawarkan tanpa penilaian objektif dan tanpa menyemak dengan pihak berkuasa yang berkaitan. Terdapat juga para pelabur yang sengaja menyertai skim-skim berkenaan di peringkat awal bagi mendapat imbuhan sebelum skim berkenaan gagal sepenuhnya. Selain itu, terdapat juga para pelabur yang enggan membuat laporan kepada pihak berkuasa kerana malu dan bimbang dengan kemungkinan akan kehilangan wang pelaburan. Dalam masa yang sama, modus operandi sindiket turut sering kali berubah. Sindiket-sindiket ini menggunakan teknologi terkini bagi memperdaya orang awam, serta bertujuan menyukarkan pihak berkuasa mengesan aktiviti-aktiviti tersebut.

Setakat 12 Julai 2017, BNM telah menyenaraikan sebanyak 334 syarikat di dalam "Senarai Peringatan kepada Pengguna Kewangan (SPPK)" atau "*Financial Consumer Alert*" di laman sesawang BNM. Tujuan senarai tersebut dimuat naik ke dalam laman sesawang tersebut adalah sebagai langkah peringatan kepada semua pengguna memandangkan syarikat-syarikat tersebut disalah anggap sebagai mendapat lesen, dibenarkan menjalankan kegiatan dan dikawal selia oleh mana-mana pihak berkuasa.

Penyenaraian dibuat berdasarkan penilaian atas maklumat, pertanyaan dan aduan yang diterima oleh BNM berhubung dengan aktiviti individu dan entiti yang berkenaan. Oleh yang demikian, BNM juga menggalakkan orang ramai menyalurkan maklumat atau menujukan sebarang pertanyaan berkaitan kepada pihak BNM melalui perkhidmatan Laman Informasi Nasihat & Khidmat (LINK) dan TELELINK di nombor 1-300-88-5456 atau menghantar e-mel di alamat bnmtelelink@bnm.gov.my jika mereka mempunyai sebarang maklumat atau soalan mengenai skim-skim pelaburan yang diragui.

Selain itu, seperti yang dinyatakan sebelum ini, aktiviti skim cepat kaya merupakan satu kesalahan di bawah bidang kuasa pelbagai

agensi penguatkuasa termasuk BNM, PDRM, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan lain-lain. Oleh yang demikian, tindakan penguatkuasaan boleh diambil oleh mana-mana agensi-agensi tersebut berdasarkan akta-akta yang dikawal selia oleh agensi-agensi berkenaan. Sebagai contoh, dari tahun 2013 sehingga April 2017, 35 kes yang disiasat di bawah akta yang dikawal selia oleh BNM telah dihadapkan ke mahkamah.

NO. SOALAN: 77

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

RUJUKAN : 9980

SOALAN :

Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha-usaha setakat ini dalam mendokumentasikan rakyat Malaysia dari kaum India yang walaupun lahir di Malaysia tetapi masih tidak punyai dokumentasi pengenalan diri dan ini telah meletakkan mereka dalam kesusahan untuk melanjutkan pelajaran dan mencari pekerjaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah mengambil langkah proaktif dalam memastikan pendaftaran dokumen pengenalan diri dapat dilaksanakan dengan mudah oleh semua kaum dan lapisan masyarakat khususnya kepada penduduk di kawasan pedalaman, warga emas atau golongan yang berkeperluan khas seperti orang kelainan upaya (OKU) dan sebagainya seperti mana berikut:

1. **Perkhidmatan melalui Program Turun Padang (Program *Outreach*);**
2. **Perkhidmatan melalui Unit *Mobile*;**
3. **Perkhidmatan melalui Bas *Mobile*; dan**
4. **Pembukaan kaunter-kaunter di Ibu Pejabat JPN, JPN Negeri, Cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).**

Selain daripada inisiatif-inisiatif yang berterusan ini, JPN juga turut melaksanakan Program MyDaftar hasil kerjasama dengan *Special Indian Task Force* (SITF), Jabatan Perdana Menteri. Program ini pertama kalinya diadakan pada 19 hingga 26 Februari 2011 dan dikhususkan bagi membantu isu dokumentasi masyarakat India yang berkelayakan. Sebanyak 9,529 permohonan telah diterima sepanjang Program tersebut.

Seterusnya, pada 18 Februari sehingga 2 Mac 2013, Program ini telah diadakan sekali lagi dengan golongan sasar diperluaskan kepada seluruh lapisan masyarakat. Hasilnya, sebanyak 7,622 permohonan telah diterima. Terkini, JPN telah bekerjasama dengan Majlis *Malaysian Indian Blue Print* (MMIB) bagi melaksanakan Program MyDaftar bermula 5 hingga 22 Jun 2017 yang lepas dan ia telah dihadiri seramai 2,400 orang.

Kementerian ini ingin mengingatkan bahawa mana-mana individu yang dilahirkan di Malaysia mestilah mendaftarkan kelahiran di JPN. Justeru, inisiatif yang telah dilaksanakan oleh JPN mestilah disokong sepenuhnya oleh masyarakat serta diuar-uarkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi memastikan isu dokumentasi dalam kalangan masyarakat dapat diselesaikan.

NO. SOALAN: 78

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH : 27.07.2017

SOALAN : 78

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes berprofil tinggi yang disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 2012, 2013, 2014, 2015, 2016 dan tujuh bulan pertama 2017.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat setiap kesalahan rasuah dengan adil tanpa membezakan kedudukan, fahaman politik atau sektor yang terlibat. SPRM mengambil tindakan tegas yang sewajarnya terhadap mereka yang terlibat dalam rasuah seperti yang diperuntukkan dalam Akta SPRM 2009.

Namun demikian, terdapat beberapa kes yang telah menarik minat masyarakat dan telah menjadi perhatian umum ekoran liputan luas media seperti:

1. Ketua Menteri Pulau Pinang;
2. Exco Kerajaan Negeri Johor;
3. Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengarah Urusan Tabung Haji Heavy Industry;
4. Ketua AMK Ampang;
5. Bekas pemain bola sepak Kebangsaan;
6. Pengarah Besar dan Timbalan Pengarah Besar FELDA;
7. Pengarah Jabatan Kerja Raya Melaka
8. Pengerusi dan Pengarah Eksekutif Bank Rakyat;
9. Pengarah dan bekas Timbalan Pengarah Jabatan Air Sabah;

Untuk makluman Yang Berhormat, semua maklumat ini boleh diperolehi melalui portal rasmi dan Facebook SPRM, selain hebahan-hebahan berita di media-media perdana.

Sekian, terima kasih.

Soalan No:79

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD

TARIKH : 27.7.2017

SOALAN :

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah bilangan pemancar telefon yang ditempatkan di dalam kawasan sekolah di seluruh negara, dan berapakah kadar sewa tapak yang dibayar setiap satu kepada pihak sekolah.

JAWAPAN

Untuk makluman ahli yang berhormat, struktur menara telekomunikasi yang terdapat di sekolah seluruh negara adalah untuk perkhidmatan 1BestariNet sahaja.

Kadar sewaan bulanan bagi perletakan struktur 1BRIS adalah daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan pengurangan kadar sewaan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) selaras dengan Arahan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) Bil. 1/2013.

Kadar yang dikenakan adalah RM10.00 sebulan bagi setiap tapak. Penentuan kadar harga ini adalah berdasarkan kepada kegunaan menara tersebut yang hanya bertujuan untuk pendidikan sahaja iaitu membekalkan capaian internet ke sekolah.

SOALAN NO.: 80

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATO' SRI HASAN ARIFIN**
KAWASAN	:	**ROMPIN**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017, KHAMIS**

SOALAN:

YB. DATO' SRI HASAN ARIFIN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jalan di antara Keratong ke Bahau/Serting, dari segi strukturnya adalah sempit, bahu jalan yang kecil, jalan yang beralun menyebabkan banyak berlaku kemalangan jiwa. Bilakah Kerajaan bercadang untuk menaik taraf dengan melebarkan jalan ini dan mengukuhkan strukturnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan tersebut adalah melibatkan Jalan Persekutuan FT011, Jalan Bahau – Keratong. Sehubungan itu, selari dengan keutamaan *Highway Network Development Plan* (HNDP), Kementerian ini telah memohon untuk Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT011, Jalan Bahau – Keratong sepanjang 30km dalam Rolling Plan Ke-1, RMKe-11.

Walaubagaimanapun, cadangan projek ini tidak mendapat kelulusan Agensi Pusat iaitu Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam tempoh tersebut. Namun demikian, Kementerian ini bersedia untuk menyenaraikan semula projek ini dalam pelaksanaan Rolling Plan yang akan datang sekiranya projek ini tersenarai dalam projek keutamaan negeri.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 81

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA]

TARIKH : 27 JULAI 2017

SOALAN :

YB Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa memandangkan isu 1MDB menjadi terlalu hangat di luar negara dan dalam negara yang menjejaskan ekonomi serta imej negara Malaysia; dan memandangkan bahawa Kerajaan melalui Ketua Audit Negara telah pun melengkapkan penyiasatannya ke atas 1MDB, bersediakah Kerajaan membentang laporan tersebut kepada Parlimen seperti dikehendaki oleh Perlembagaan Malaysia. Nyatakan alasan kukuh mengapa Laporan Audit itu diklasifikasikan sebagai rahsia negara dan diletak bawah "OSA".

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan ke atas 1MDB telah dijalankan oleh beberapa agensi yang berkaitan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Laporan Ketua Audit Negara mengenai 1MDB adalah khusus untuk Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC). Laporan tersebut telah dibincangkan oleh PAC sebelum memuktamadkan Laporan PAC berkenaan Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1MDB yang telah dibentangkan di Parlimen pada 7 April 2016.

Sekian, terima kasih.

No. Soalan: 82
PR-1352-L01476

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH** **[KALABAKAN]**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017**
SOALAN	:	**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan mengenai dasar pengharaman masuk rakyat dari beberapa Negara Islam tertentu oleh Presiden Amerika yang baru Donald Trump.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia dan Amerika Syarikat mempunyai hubungan dua hala yang mesra serta kerjasama yang erat dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi, keselamatan, pertahanan dan sebagainya. Pihak Kementerian berpandangan bahawa hubungan dua hala yang kukuh yang sedia terjalin telah dipertingkatkan pada tahun 2014 ke tahap Perkongsian Strategik Komprehensif (*Comprehensive Strategic Partnership*) sejak tahun 2014.

3. Arahan Eksekutif oleh Presiden Amerika tersebut, yang telah dikemaskinikan oleh pentadbiran beliau pada 28 Jun 2017, membabitkan enam negara yang majoriti rakyatnya beragama Islam. Negara-Negara tersebut adalah Iran, Yaman, Syria, Somalia, Libya dan Sudan. Arahan Eksekutif tersebut melarang warga negara-negara berkenaan ke Amerika Syarikat selama 90 hari dan menyekat kemasukan semua pelarian ke Amerika Syarikat selama 120 hari. Namun demikian, arahan tersebut masih membenarkan individu dari negara-negara tersebut yang mempunyai hubungan 'bona fide' dengan seseorang atau entiti di Amerika Syarikat. Ini termasuk mempunyai ahli keluarga terdekat yang menetap di Amerika Syarikat; pelajar yang akan dan sedang

melanjutkan pengajian di institusi pendidikan; dan juga mereka yang mempunyai pekerjaan di negara tersebut.

4. Malaysia tidak termasuk di dalam senarai Arahan Eksekutif tersebut dan tidak terkesan dengan arahan yang telah dikemaskinikan oleh pentadbiran Presiden Trump. Kementerian Luar Negeri juga telah mendapatkan pengesahan Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur, bahawa tiada halangan bagi rakyat Malaysia memasuki Amerika Syarikat asalkan mereka mempunyai visa dan dokumen perjalanan yang sah serta lengkap.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sesebuah negara berhak untuk menggubal hala tuju serta dasar yang difikirkan perlu demi keselamatan negara tersebut. Dalam hal ini, Arahan Eksekutif Presiden Amerika Syarikat tersebut adalah urusan dalaman Amerika Syarikat. Malaysia berpendapat bahawa arahan tersebut adalah hak pentadbiran negara berkenaan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD

TARIKH : 27 JULAI 2017

RUJUKAN : 9981

SOALAN :

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan jumlah terkini pekerja asing dari tahun 2009 hingga 2017 mengikut sektor-sektor yang ditetapkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah terkini pekerja asing dari tahun 2012 hingga 2017 yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif di Malaysia mengikut sektor-sektor yang ditetapkan adalah seperti berikut:

Pembinaan	251,494	432,589	410,906	450,364	387,934	350,740
Pembuatan	698,425	742,922	741,531	745,131	253,120	636,593
Perkhidmatan	171,168	267,982	269,029	293,433	648,621	242,536
Perladangan	386,286	430,971	317,103	300,770	268,478	261,530
Pertanian	161,189	192,961	170,281	196,710	173,641	161,003
Pembantu Rumah Asing	174,675	169,888	155,530	148,627	134,575	129,196
JUMLAH	[illegible]	[illegible]	[illegible]	[illegible]	[illegible]	[illegible]

NO SOALAN :85

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. TUAN NGA KOR MING (TAIPING)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 27.07.2017**

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bahawa memandangkan nilai mata wang ringgit telah jatuh lebih 30% berbanding dengan US Dollar dalam tempoh 3 tahun ini, apakah rancangan menyeluruh yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan nilai Ringgit dan menjaga kestabilan nilai wang ringgit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyusutan nilai mata wang pada tahun 2015 dan 2016 bukanlah sesuatu yang unik kepada Malaysia sahaja. Keadaan ini turut dialami oleh mata wang serantau yang mencerminkan terutamanya

pengukuhan dolar AS. Pada tahun 2016, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 4.3% berbanding dolar AS. Penyusutan nilai ringgit kebanyakannya didorong oleh perubahan aliran dana yang dipengaruhi oleh faktor luaran.

2. Pada tahun 2017, nilai ringgit semakin stabil dan meningkat sebanyak 4.5% (sehingga 17 Julai 2017) berbanding dolar AS. Ini disebabkan oleh kemasukan semula aliran dana portfolio pelabur bukan pemastautin ke dalam pasaran kewangan Malaysia.

3. Selain penurunan nilai mata wang dolar AS, peningkatan nilai mata wang Ringgit sejak awal tahun ini turut disumbang oleh penunjuk-penunjuk ekonomi utama Malaysia yang semakin positif iaitu pertumbuhan eksport dan KDNK yang lebih tinggi. Kegiatan ekonomi yang semakin menggalakkan ini dapat membantu meningkatkan sentimen pelabur dan seterusnya menyokong pengukuhan nilai ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sentimen positif terhadap ringgit turut disokong oleh langkah-langkah pembangunan pasaran yang diperkenalkan oleh

Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC) dan Bank Negara Malaysia pada penghujung tahun 2016.

5. Kesan langkah-langkah tersebut dapat dilihat di mana aktiviti kontrak hadapan tanpa serahan (*non-deliverable forward*, NDF) dalam pasaran luar pesisir telah berkurang. Volatiliti nilai ringgit juga telah berkurang dengan ketara. Pertukaran mata wang asing bersih daripada eksport telah meningkat sejak Disember 2016. Pada bulan Mei 2017, pertukaran asing bersih berjumlah USD 1.1 bilion.

6. Pada bulan April 2017, FMC bersama-sama Bank Negara Malaysia, telah mengumumkan langkah-langkah liberalisasi tambahan untuk meningkatkan mudah tunai pasaran bon. Selain itu, langkah tersebut juga memberi lebih fleksibiliti terhadap aktiviti lindung nilai kepada pelabur dan peniaga tempatan untuk mengurus risiko dedahan kadar pertukaran di dalam negara. Langkah-langkah ini akan terus memperdalam pasaran pertukaran asing dan pasaran kewangan domestik, sekaligus meningkatkan permintaan aset kewangan ringgit dan seterusnya mengukuhkan kadar pertukaran ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Langkah-langkah pembangunan pasaran yang diperkenalkan pada penghujung 2016 dan April 2017 telah menstabilkan nilai mata wang ringgit dan turut berperanan dalam mengimbangkan penawaran dan permintaan mata wang asing di pasaran mata wang tempatan.

8. Bagi memastikan kadar pertukaran mata wang ringgit lebih kukuh, Kerajaan akan terus memberi tumpuan meningkatkan daya tahan, kepelbagaian dan daya saing ekonomi. Kadar pertukaran nilai ringgit dijangka lebih kukuh setelah faktor luaran semakin stabil.

Soalan No: 86

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS]

TARIKH : 27.7.2017

SOALAN :

Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kesan penilaian terhadap polisi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang diterapkan di sekolah rendah berikutan keputusan UPSR 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha memastikan semua murid didedahkan dan diberi pendidikan yang merangkumi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Elemen KBAT dimasukkan secara eksplisit dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) setiap mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). KPM telah menyediakan dua (2) buah buku iaitu Perincian Elemen KBAT dan buku KBAT: Aplikasi di Sekolah pada tahun 2014 sebagai panduan guru untuk melaksanakan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu, elemen pentaksiran KBAT dalam silibus KSSR, merupakan pemacu kepada pembelajaran murid di sekolah. Pelaksanaan elemen KBAT dalam pentaksiran dapat merangsang dan menggalakkan murid berfikir secara kreatif dan kritis sejajar dengan kemahiran abad ke 21. Antara hasrat utama pentaksiran KBAT ialah membangunkan modal insan yang berfikiran inovatif dan di luar kotak kompetitif serta berdaya saing tinggi di peringkat global.

RJM40

NO SOALAN :87

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS (TELOK KEMANG)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 27.07.2017**

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan menangani kekurangan rizab negara yang telah menurun daripada USD140 bilion pada tahun 2012 kepada USD98.7 bilion pada tahun 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan daripada YB. Telok Kemang yang dijadual pada hari ini bersama soalan daripada YB. Shah Alam yang dijadualkan pada 1 Ogos 2017, memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh isu yang berkaitan.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan terkini rizab antarabangsa negara kekal kukuh berjumlah RM425.4 bilion atau USD99.1 bilion pada 14 Julai 2017. Paras rizab ini mencukupi untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek. Di peringkat antarabangsa, kedudukan rizab ini diperakui memadai sekiranya mampu membiayai sekurang-kurangnya 3 bulan import tertangguh dan 1.0 kali hutang luar negeri jangka pendek.

3. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, keadaan persekitaran luar yang tidak menentu termasuk kejatuhan harga komoditi, terutamanya harga minyak mentah dunia, pertumbuhan yang lebih perlahan dalam kalangan ekonomi negara membangun seperti China; pengenalan dasar perlindungan perdagangan oleh AS serta ketidaktentuan pasaran kewangan global boleh memberi kesan kepada kedudukan rizab antarabangsa negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memantau dan mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan paras rizab kekal kukuh.

4. Jika dibandingkan dengan paras rizab pada tahun 2012 yang

berjumlah USD140 bilion, sememangnya paras rizab terkini adalah lebih rendah. Walaubagaimanapun, adalah wajar sekiranya perbandingan dilakukan dalam keadaan senario pertumbuhan ekonomi yang seumpamanya. Pada tahun 2012, ekonomi negara berkembang dengan kukuh, iaitu sebanyak 5.5% berbanding 2016 yang mana ekonomi telah berkembang sebanyak 4.2%. Peningkatan rizab pada tahun 2012 didorong oleh lebihan imbangan perdagangan yang tinggi, aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan serta aliran masuk dana portfolio jangka pendek.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

5. Prestasi perdagangan luar negeri dan pelaburan merupakan antara faktor penyumbang utama turun naik (*volatility*) paras rizab antarabangsa. Dalam hal ini, pelbagai langkah telah diambil oleh pihak Kerajaan dalam meningkatkan rizab. Ini termasuk memastikan prestasi eksport kekal memberangsangkan dengan meluaskan pasaran, mempelbagaikan dan meningkatkan nilai ditambah produk. Di samping itu, usaha-usaha juga diteruskan untuk menyediakan persekitaran kompetitif serta mesra perniagaan yang seterusnya akan menaikkan sentimen pasaran dan pelabur. Keberkesanan usaha-

usaha tersebut terbukti dengan peningkatan aliran masuk bersih FDI sebanyak RM17 bilion pada suku pertama 2017 berbanding RM13 bilion pada suku keempat 2016.

6. Selain itu, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan penurunan rizab antarabangsa dengan mengimbangi semula permintaan dan bekalan mata wang asing di pasaran tempatan sejak Disember 2016. Salah satu daripada inisiatif tersebut adalah dengan menggalakkan penukaran hasil perolehan eksport kepada ringgit. Ini telah menyokong mudah tunai pasaran pertukaran asing dengan melancarkan pengantaraan aliran keluar masuk dana pelaburan. Turun naik kadar pertukaran ringgit juga telah berkurang kepada 4.7% secara purata pada Jun 2017 berbanding 9.7% pada tahun 2016 atau pada tahap setinggi 12.0% pada Mac 2016.

7. Kedudukan rizab yang stabil ini telah meningkatkan daya tahan ekonomi negara dan keupayaan Malaysia untuk berhadapan dengan cabaran ekonomi dunia yang tidak menentu. Dalam pada itu, Kerajaan dan BNM akan sentiasa memantau kedudukan rizab antarabangsa dengan mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan paras rizab ini kekal mencukupi, membantu untuk

bertindak sebagai penampan bagi memenuhi obligasi luaran.

SOALAN NO.: 88

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WONG LING BIU
KAWASAN : SARIKEI
TARIKH : 27 JULAI 2017, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN WONG LING BIU minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bahawa adakah Kerajaan bercadang mengubahsuaikan projek lebuh raya Pan Borneo di Pasar Jakar, supaya jambatan yang melalui Sg Sarikei di Jakar boleh ditinggikan atau diubahsuai dengan memudahkan "U-turn" di bawah jambatannya. Pengubahsuaian ini boleh memudahkan orang ramai terutamanya penduduk-penduduk dari Jalan Merudu/Meruton masih boleh masuk ke Pasar Jakar supaya Pasar Jakar tidak ditinggalkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pakej Sungai Awik ke Simpang Bintangor, Kerajaan tiada cadangan untuk menyediakan lokasi pusingan U (U-turn) di bawah jambatan Sg Sarikei. Ini memandangkan terdapat 25 pusingan P (P-turn) akan dibina sebagai kemudahan penduduk tempatan di sepanjang jajaran tersebut. Bagi Pasar Jakar yang terletak di berdekatan dengan jambatan Sg Sarikei, terdapat satu pusingan P (P-turn) akan dibina sebelum dan selepas Pasar Jakar bagi memudahkan komuniti di sekitar Sarikei untuk keluar masuk kawasan Pasar Jakar tersebut.

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 89

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK]

TARIKH : 27.7.2017

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar yang memperoleh semua E bagi setiap mata pelajaran dalam UPSR bagi tahun 2014,2015 dan 2016. Apakah program khas Kerajaan dalam membantu golongan pelajar ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2014 sebanyak 2.7 peratus daripada 473,175 calon yang mendaftar Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) mendapat semua gred E atau tidak mencapai tahap minium untuk semua mata pelajaran. Manakala bagi tahun 2015 seramai 2.6 peratus calon mendapat gred E daripada 443,407 calon yang menduduki UPSR, berkurangan sebanyak 0.1 peratus.

Seterusnya bagi tahun 2016 pula, seramai 2.1 peratus murid UPSR mendapat semua E untuk semua mata pelajaran daripada 452,721 calon.

Walau bagaimanapun, bilangan calon yang mendapat semua E untuk UPSR tahun 2016 tidak boleh dibandingkan dengan bilangan calon yang mendapat semua E dalam UPSR tahun 2015 dan 2014 kerana perbezaan format penilaian bagi tahun 2016.

Kementerian Pendidikan Malaysia membantu murid yang memperoleh semua gred E bagi setiap mata pelajaran dalam UPSR dengan menyediakan Program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) bermula di Tingkatan 1 yang memberi fokus kepada aspek kemahiran vokasional. Sebanyak 91 buah sekolah menengah harian di seluruh negara yang menawarkan PAV.

RJM41

SOALAN NO: 90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017 (KHAMIS)**
SOALAN	:	**90**

PR-1352-L01995

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berkenaan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) :-

(a) jumlah dan senarai nama semua pegawai pengurusan tertinggi, ketua unit/bahagian, kakitangan dan Felo JASA, dan berapakah emolumen bulanan yang diberikan; dan

(b) apakah keperluan penubuhannya memandangkan jabatan tersebut kerap dipergunakan untuk menyebarkan berita palsu yang menyerang pihak pembangkang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan pegawai JASA adalah 1,089 orang. Pegawai JASA dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan emolumen bulanan semua pegawai JASA adalah mengikut skim gaji penjawat awam

yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); dan

(b) Terma rujukan bagi tugas-tugas Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) ialah :

Latar Belakang

1. Ditubuhkan pada 11 Mei 1960 dengan nama Bahagian Hal Ehwal Khas (BHEK).
2. Tujuan penubuhan BHEK adalah untuk memelihara dan mempertahankan kestabilan politik Negara dengan memberi kesedaran dan kefahaman yang berkualiti, tepat dan jelas dalam aspek siasah dan agama.
3. Menyediakan laporan maklum balas dengan tepat, semasa dan sahih mengenai isu-isu siasah dan agama.
4. Menyediakan bahan-bahan penerbitan dan multimedia yang bermaklumat semasa mengenai siasah dan agama.
5. Menyedia dan memberi khidmat kepakaran komunikasi bersemuka kepada masyarakat.
6. Memberi khidmat sokongan yang berkualiti dalam aspek kewangan dan sumber manusia.
7. Bertindak atas prinsip `Kebenaran Terserlah Negara Cemerlang` dalam melaksanakan tugas.

Objektif

1. Membentuk masyarakat Malaysia yang berkeyakinan diri, matang, kukuh nilai moral dan berjiwa patriotik;
2. Menggalakkan persekitaran politik yang lebih kondusif bagi mendorong pencapaian proses integrasi nasional;

3. Menyedia dan memastikan penyebaran maklumat yang sistematik melalui media konvensional (perhubungan bersemuka, cetak dan elektronik) serta media sosial;

4. Melaksanakan pelbagai program dengan memberi penerangan kepada rakyat mengenai dasar-dasar Kerajaan dan isu-isu semasa;

5. Menyediakan dan menganalisis laporan sosiopolitik, ekonomi, budaya dan agama;

6. Menjalankan Kajian Pendapat Awam bagi mendapatkan reaksi masyarakat mengenai dasar-dasar Kerajaan dan isu-isu semasa; dan

7. Menjalankan Kajian Sikap pola pengundi di KAPAR / KADUN serta lain-lain kajian yang diarahkan oleh pengurusan tertinggi KKMM dan kepimpinan tertinggi Kerajaan dari semasa ke semasa.

Fungsi

1. Mengatur rancangan dan melaksanakan strategi, program, aktiviti bagi mendidik serta meyakinkan rakyat kepada pemimpin Negara.

2. Menggerakkan pembaharuan pemikiran ummah bagi menghadapi gelombang globalisasi dan teknologi maklumat.

3. Menangkis dakyah, fitnah, tohmahan dan pemikiran jumud serta ekstrimis agama di kalangan rakyat.

4. Membuat analisis pola dan sikap rakyat terhadap dasar-dasar Kerajaan.

5. Menjalankan penyelidikan dan menyediakan laporan isu - isu sosiopolitik dan agama.

6. Mengenalpasti dan memantau setiap isu yang boleh menggugat kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan

No. Soalan: 91
PR-1352-L02069

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD [KUALA TERENGGANU]**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017**
SOALAN	:	**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tidakkah Malaysia merancang untuk menghantar bantuan kemanusian mengatasi kebuluran dan wabak kolera di Yaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia sesungguhnya sangat peka dan mengambil berat terhadap pergolakan di Yaman yang telah berlarutan hampir dua (2) tahun. Peperangan yang berlaku telah mengorbankan ribuan nyawa orang awam selain menyebabkan kesengsaraan berpanjangan ditanggung oleh rakyat Yaman.

3. Menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), akibat dari krisis yang berlarutan ini, kira-kira seramai 17 juta rakyat Yaman diancam kebuluran dan memerlukan bantuan makanan dengan kadar segera. Situasi bertambah buruk dengan penularan wabak penyakit serta kemusnahan infrastruktur asas seperti rumah kediaman, pusat perubatan, bekalan elektrik dan air.

4. Dalam hal ini, Malaysia menyokong penuh usaha-usaha yang dilakukan oleh Duta Khas PBB ke Yaman iaitu Ismail Cheikh Ahmad untuk membawa pihak-pihak yang bertelagah kembali ke meja rundingan. Adalah penting untuk mencapai kestabilan politik di Yaman supaya dapat menjamin kesejahteraan kehidupan rakyat negara tersebut.

5. Sepertimana keprihatinan Malaysia terhadap situasi kemanusiaan di negara-negara seperti Palestin, Syria, Myanmar dan lain-lain lagi, Malaysia juga amat menitikberatkan akan perkembangan situasi kemanusiaan di Yaman.

6. Sebagai contoh, Malaysia sebagai anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) telah memanfaatkan platform tersebut untuk membantu ke arah usaha penyelesaian konflik di Yaman. Semasa Sesi Tergempar Majlis Menteri-Menteri Luar Negeri OIC Berhubung Isu Yaman di Jeddah pada 16 Jun 2015, Malaysia telah mengumumkan sumbangan kewangan sebanyak USD100,000 bagi tujuan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Yaman melalui platform OIC. Sumbangan tersebut secara langsung membuktikan komitmen Kerajaan Malaysia untuk membantu rakyat Yaman dan jaringan kerja OIC yang luas akan menjamin keberkesanan penyampaian bantuan oleh Kerajaan Malaysia.

7. Selain sumbangan melalui kerajaan, Malaysia turut menghulurkan bantuan melalui pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti *Malaysian Relief Agency* dan *Muslim Care Malaysia*.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 92

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TAN SRI DATO'SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017 (KHAMIS)**
SOALAN	:	**92**

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kesediaan mengubal undang-undang khusus menangani 'fake news' merangkumi bukan sahaja hukuman setimpal terhadap platform penyebar malah kaedah meningkatkan 'celik fakta' dan membudayakan 'fact-checking' dengan kebebasan bertanggungjawab bagi outlet media berwibawa dan pemerkasaan pengguna berita menerusi mekanisme berasaskan teknologi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan yang berkaitan mengambil pendekatan berbilang serampang di dalam menangani gejala penularan kandungan serta berita palsu di platform media sosial, laman sesawang dan Internet amnya.

SOALAN NO: 92

Dari aspek perundangan, perbuatan menghina atau memalsukan maklumat dikawal melalui penguatkuasaan peruntukan undang-undang sedia ada Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM98) khususnya di bawah peruntukan Seksyen 233.

Selain peruntukan AKM98, Akta Fitnah 1957, Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1984 dan sebagainya turut digunapakai dalam mengawalselia kandungan serta penyebaran kandungan serta berita palsu, serta apa-apa bentuk kandungan lain yang boleh menggugat keharmonian, kestabilan dan keselamatan negara. Peruntukan undang-undang sedia ada pada ketika ini dilihat mencukupi di dalam menangani gejala-gejala yang disebutkan, namun langkah pengemaskinian serta penambahabaikan akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan peruntukan undang-undang terbabit terus kekal relevan selaras peredaran semasa.

SOALAN NO. : 93

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA (BATU)**

TARIKH : **27 JULAI 2017 (KHAMIS)**

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan setahun setengah selepas melarang perlombongan bauksit, eksport bauksit Malaysia ke pelanggan utama China semakin berkembang. Malaysia telah mengeksport lebih daripada 9 juta tan bauksit ke China, menurut data import China. Adakah Kementerian tidak lagi melarang isu perlombongan bauksit ini dan menyokong perlombongan dan eksport bauksit.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Secara dasarnya, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) menyokong pengembangan industri mineral negara termasuk bauksit selaras dengan Dasar Mineral Negara 2 yang dilancarkan sekitar tahun 2009 kerana ia memberikan impak positif terhadap ekonomi negara. Walau bagaimanapun, pembangunan industri perlombongan negara perlu seiring dengan penjagaan alam sekitar agar ianya berlaku secara mampan.

Dalam hal perlombongan dan pengeksportan bauksit, Kementerian ini bersama-sama Kerajaan Negeri Pahang telah mengenakan moratorium terhadap perlombongan dan pengeksportan bauksit di negeri Pahang mulai 15 Januari 2016 susulan daripada isu pencemaran dan keselamatan yang berlaku di Kuantan, Pahang. Seterusnya, pengenaan moratorium tersebut telah disambung beberapa kali dan yang terkini disambung sehingga 31 Disember 2017 disebabkan ketidaksediaan pengusaha untuk mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan di samping isu pengosongan *stockpile* sedia ada yang masih belum selesai.

Pada masa ini, kebenaran untuk mengeksport bauksit hanya diberikan bagi tujuan pengosongan *stockpile* bauksit sedia ada sahaja dan perlombongan bauksit masih lagi tidak dibenarkan dan ia tertakluk kepada moratorium.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :94

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY (KOTA KINABALU)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **27.07.2017**

Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status peruntukan RM1 bilion untuk tujuan Bus Rapid Transit (BRT) di Kota Kinabalu. Berikan pelan BRT Kota Kinabalu termasuk perjalanan bas, terminal dan perhentian bas, jarak waktu perkhidmatan serta laluan BRT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini Kerajaan sedang dalam proses meneliti kaedah terbaik pelaksanaan Projek BRT Kota

Kinabalu Fasa 1 (BRT KK Fasa 1) yang dianggarkan berjumlah RM1 bilion. Antara kaedah yang akan dipertimbangkan adalah melalui model perkongsian awam swasta (PPP) dimana Prasarana Malaysia Bhd selaku syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan bersama pihak swasta akan bersama menampung kos pembinaan projek tersebut. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan dan komitmen pihak swasta.

Soalan No: 95

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 27.7.2017

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa syarikat YTL dipilih untuk membekalkan computer mudah alih Chromebook walaupun syarikat tersebut bukan pembuat perkakasan komputer.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembekalan *Chromebook* telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mulai Jun 2013. Syarikat YTL Communications Sdn. Bhd. (YTLC) dipilih untuk membekalkan komputer mudah alih Chromebook kerana syarikat tersebut mempunyai keupayaan dalam menyediakan satu pakej penyelesaian menyeluruh (*comprehensive solutions package*) bagi perkhidmatan Pembekalan Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) Ke Makmal Komputer Secara Konsep Makmal Komputer Mudah Alih Menggunakan Perkakasan Notebook Dengan Sistem Operasi Chrome berasaskan capaian internet teknologi 4G. Di samping itu, YTLC berupaya menyediakan aplikasi, kandungan dan perkhidmatan berasaskan pendidikan dengan menggunakan *cloud-base computing*.

RJM42

NO SOALAN :96

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL (KUALA KEDAH)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 27.07.2017**

Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan terma-terma penyelesaian prosiding timbang tara di Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa London antara 1MDB dan IPIC. Berapa banyakkah jumlah wang yang dijangkakan akhirnya perlu dibayar 1MDB kepada IPIC.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana yang telah diumumkan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan International Petroleum Investment Company (IPIC) mencapai persetujuan bagi penyelesaian membabitkan prosiding timbang tara di Mahkamah Timbangtara Antarabangsa

London.

Syarat-syarat penyelesaian itu antara lainnya adalah 1MDB akan membuat pembayaran tertentu kepada IPIC dan akan bertanggungjawab terhadap semua pembayaran faedah akan datang dan pembayaran prinsipal bagi 2 bon terbitan syarikat-syarikat Kumpulan 1MDB yang berakhir pada 2022. Pihak IPIC masih lagi kekal sebagai penjamin ke atas kedua-dua bon tersebut.

Tanggungjawab ini akan dipenuhi oleh 1MDB daripada sumber syarikat, antara lain, menerusi usaha pengewangan unit dana pelaburan yang dimilikinya.

Di samping itu, pihak 1MDB dan IPIC telah bersetuju untuk melaksanakan rundingan secara jujur (*good faith negotiations*, dengan izin) berkenaan dengan wang yang telah dibayar oleh 1MDB kepada entiti-entiti tertentu.

Penyelesaian timbang tara ini memaparkan resolusi kepada satu cabaran besar yang dihadapi oleh 1MDB.

NO. SOALAN: 97

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG

TARIKH : 27 JULAI 2017

RUJUKAN : 9982

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja migran dari China mengikut kategori permit, jenis pekerjaan, dan penempatan negeri di Malaysia bagi setiap tahun dari 2008 sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pekerja migran dari China yang memegang Pas Penggajian adalah seramai 55,285 orang dan statistik mengikut sektor dari tahun 2008 sehingga tahun 2017 adalah seperti berikut:

i)	Perkhidmatan	-	29,063 orang
ii)	Pembinaan	-	11,623 orang
iii)	Teknologi maklumat	-	6,982 orang
iv)	Pembuatan	-	4,062 orang
v)	Perlombongan	-	1,315 orang
vi)	Lain-lain	-	2,240 orang

Manakala jumlah pekerja migran dari China yang memegang Pas Penggajian mengikut pecahan negeri dari tahun 2008 sehingga tahun 2017 adalah seperti berikut:

i)	WP Kuala Lumpur	-	17,870 orang
ii)	Selangor	-	10,669 orang
iii)	Johor	-	8,154 orang
iv)	Sarawak	-	7,760 orang
v)	Pahang	-	2,822 orang
vi)	WP Labuan	-	2,326 orang
vii)	Lain-lain	-	5,684 orang

NO. SOALAN: 98

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]

TARIKH : 27 JULAI 2017 [KHAMIS]

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

(a) sama ada pihak Kerajaan akan menghentikan usaha penukaran status hutan simpan kekal kepada hutan ladang; dan

(b) apakah tindakan Kerajaan ke atas projek hutan ladang yang terbengkalai.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Perhutanan Negara 1984, ladang hutan diwartakan sebagai hutan pengeluaran kayu (*production forest)*. Kawasan-kawasan yang digazetkan sebagai ladang hutan adalah merupakan hutan terosot (*degraded forest*) yang hanya melibatkan lebih kurang 5 peratus sahaja daripada kawasan hutan simpan.

Berkaitan penukaran status Hutan Simpan Kekal (HSK) kepada hutan ladang adalah dimaklumkan bahawa ianya di bawah bidang kuasa pihak Kerajaan Negeri. Dalam hal ini, sebarang usaha penukaran hutan asli di dalam HSK kepada hutan ladang termasuk pengeluaran permit penggunaan tanah bagi tujuan ini adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini tiada pembangunan ladang hutan di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) seliaan Kementerian ini yang terbengkalai. Ini kerana, semua syarikat di bawah PPLH adalah terikat dengan syarat dan peraturan yang termaktub dalam perjanjian pinjaman.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 99

Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan senarai dan jumlah kos pemasangan AES yang telah dipasang dan yang bakal dipasang di seluruh negara serta jumlah saman yang telah dikeluarkan semenjak ia diperkenalkan sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Automated Enforcement System* (AES) telah pun dijenamakan semula sebagai *Automated Awareness Safety System* (AwAS) dan akan meneruskan penguatkuasaan kamera sedia ada. Sehingga kini, sebanyak 21 kamera AwAS telah beroperasi melibatkan 8 lokasi di negeri Perak, 2 lokasi di negeri Selangor, 3 lokasi di Kuala Lumpur, 2 lokasi di Putrajaya, 2 lokasi di Johor, 1 lokasi di Kelantan, 1 lokasi di Kedah dan 2 lokasi di Terengganu. Sementara itu, pemasangan kamera tambahan AwAS adalah bergantung kepada keperluan dan permintaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan, Lembaga Lebuhraya Malaysia, orang awam serta melalui kajian oleh pihak MIROS dan PDRM sekiranya sesuatu lokasi tersebut dikenal pasti sebagai kawasan kerap berlaku kemalangan.

Segala kos berkaitan pembangunan dan operasi sistem serta infrastruktur AwAS dibiayai oleh syarikat penyedia perkhidmatan AwAS. Sehingga 30 Jun 2017, jumlah saman yang telah dikeluarkan melalui AwAS adalah sebanyak 3,007,214 saman.

NO SOALAN :100

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. DR. ONG KIAN MING (SERDANG)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 27.07.2017**

Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada projek kereta api elektrik ECRL adalah 'projek satu landasan yang dibina di atas formasi landasan berkembar' dan sama ada 'Environmental Impact Assessment' (EIA) telah diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang bakal memulakan pembinaannya pada tahun 2017 dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir suku kedua tahun 2024

merupakan projek keretapi elektrik yang membabitkan pembinaan landasan tunggal di atas formasi atau susunan tapak landasan berkembar (*single track on double track formation*). Keseluruhan landasan sepanjang 600.3km akan dibina menepati rekabentuk landasan berkembar namun hanya satu landasan akan disiapkan menjelang 2024. Pembinaan landasan kedua akan disiapkan bersesuaian dengan peningkatan permintaan perkhidmatan ECRL pada masa akan datang.

Selaku pemilik projek ECRL, pihak Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) yang merupakan anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan sentiasa memastikan semua terma dan syarat termasuk elemen yang melibatkan impak terhadap alam sekitar dipatuhi sepenuhnya. Bagi makluman Yang Berhormat, projek ini telah menerima kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar pada 20 Jun 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan projek ECRL dijangka memberi kesan limpahan ekonomi (*economic spillover effects*) yang besar kepada negara dan rakyat, terutamanya bagi masyarakat di wilayah Pantai Timur.

Sehubungan itu, pihak Kerajaan berserta MRL amat komited bagi memastikan projek mega ini dapat dilaksanakan mengikut jadual, kemas dan teratur.

SOALAN (101)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27 JULAI 2017 [KHAMIS]

DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]

SOALAN :-

Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan** menyatakan **kesan yang akan berlaku terhadap kesihatan rakyat terhadap masalah sampah-sampah yang berselerakan dan apakah peranan Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan untuk membantu permasalahan yang berkaitan sampah-sampah ini. Masalah pembersihan sampah-sampah yang melimpah-limpah di musim perayaan amatlah tidak memuaskan, adakah pengurusan sisa-sisa pepejal di bawah pengurusan syarikat swasta lebih baik daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa memandang serius berhubung isu kebersihan di kawasan bandar dan perumahan yang boleh membawa risiko penyakit dan menjejaskan alam sekitar. Pembuangan sampah terutamanya sisa makanan di merata-rata tempat oleh orang awam boleh menggalakkan pembiakan dan menarik perhatian haiwan perosak terutamanya tikus. Kehadiran haiwan perosak ini boleh menyebabkan pencemaran air dan kawasan persekitarannya dengan air kencing tikus terinfeksi dengan bakteria letospira. Leptospirosis merupakan isu kesihatan awam yang berpunca dari sikap dan mentaliti orang awam kerana ia merupakan penyakit yang berhubungkait dengan amalan kebersihan diri dan kebersihan persekitaran. Penyakit leptospirosis adalah disebabkan pendedahan kepada air, makanan atau tanah yang telah dicemari oleh air kencing tikus terinfeksi.

Selain itu, faktor persekitaran yang tidak bersih dan longgokkan sampah akan menyebabkan sesebuah tempat itu berpotensi untuk menakung air dan boleh menyebabkan ia menjadi tempat pembiakan nyamuk. Antara wabak penyakit yang berpunca dari bawaan nyamuk ialah Malaria, *Filariasis* (penyakit untut), demam denggi, deman denggi berdarah, deman kuning, *Japanese Encephalitis* (JE) dan demam Zika. Wabak penyakit ini mudah merebak dan boleh mendatangkan maut dalam masa yang singkat selepas ia dijangkiti.

Oleh yang demikian, langkah yang proaktif telah diambil bagi mengelakkan berlaku masalah yang boleh menjejaskan kelancaran operasi kutipan sisa pepejal semasa musim perayaan baru-baru ini melalui pelaksanaan beberapa pelan tindakan bagi negeri-negeri yang menerimapakai Akta 672 iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Perlis. Pelan tindakan yang telah dilaksanakan tersebut adalah seperti berikut:

a) Penyediaan jadual khas dengan penambahan frekuensi kutipan sisa pepejal dan dilaksanakan sekurang-kurangnya 3 hari sebelum hari perayaan iaitu pada setiap malam dan berterusan sehingga 3 hari selepas perayaan;

b) Syarikat konsesi mengenalpasti lokasi *hotspot* yang akan berlakunya limpahan sisa pepejal dengan membekalkan tong berpusat di kawasan tersebut. Frekuensi kutipan dilaksanakan di kawasan *hotspot* dengan sekurang-kurangnya kutipan sebanyak 3 kali sehari;

c) Menjalankan kaedah "Spot n Clear" bagi kutipan sisa pukal dan sisa kebun di tong berpusat. Syarikat konsesi melaksanakan operasi kutipan sisa pepejal dengan segera tanpa menunggu sisa pepejal dikumpulkan dalam tempoh yang lebih lama. Kaedah ini dijalankan seminggu sebelum dan selepas musim perayaan;

d) Menjalankan "Spring Cleaning" seminggu sebelum perayaan bagi pembersihan pasar yang menjadi tempat tumpuan orang ramai; dan

e) Pembersihan di bazaar Ramadan dan Aidilfitri dijalankan dengan segera sebaik sahaja tamat tempoh perniagaan oleh para peniaga.

Selain itu juga, sepanjang musim perayaan yang lalu, sekiranya terdapat sebarang masalah berkaitan kutipan sisa pepejal, orang awam boleh menyalurkan aduan menerusi talian bebas tol 1-800-88-7472 yang

beroperasi pada jam 8.00 pagi sehingga 8.00 malam pada setiap hari termasuk hujung minggu.

Secara umumnya, negeri-negeri yang menggunapakai Akta 672 telah disalurkan dengan kualiti perkhidmatan pengurusan sisa pepejal yang standard, cekap dan seragam melalui penggunaan *Standard Operating Procedure* (SOP) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang lebih menyeluruh seiring dengan keperluan masyarakat. Manakala bagi negeri-negeri yang tidak menerimapakai Akta 672, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

Soalan No: 102

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]

TARIKH : 27.7.2017

SOALAN :

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

(a) bilangan guru yang bukan berasal dari Sabah yang kini sedang berkhidmat di Sabah;dan

(b) bilangan guru berasal dari Sabah yang kini berkhidmat di negeri lain dan apakah langkah untuk mencapai matlamat lebih ramai guru berasal dari Sabah untuk berkhidmat di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 10 Julai 2017, terdapat seramai 16,171 guru yang sedang berkhidmat di sekolah rendah di negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut 2,952 (18 peratus) adalah merupakan guru bukan kelahiran negeri Sabah. Manakala di sekolah menengah 3,023 (12 peratus) dari jumlah keseluruhan 26,214 guru yang berkhidmat di sekolah menengah merupakan guru bukan kelahiran negeri Sabah.

(b) Keseluruhan guru berasaldari Sabah yang berkhidmat di sekolah rendah seluruh Malaysia berjumlah 24,631 orang guru. Daripada jumlah tersebut seramai 2,606 (11 peratus) orang guru berkhidmat di Sekolah Rendah di luar negeri Sabah. Manakala guru berasal dari Sabah yang berkhidmat di Sekolah Menengah seluruh Malaysia berjumlah 13,852 orang guru. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,731 (13 peratus) sedang berkhidmat di luar negeri Sabah.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat lebih ramai guru berasal dari Sabah untuk berkhidmat di Sabah, KPM telah dan sedang mengambil tindakan seperti berikut:

1. Tiada penempatan guru dari semenanjung ke negeri Sabah bagi mengisi kekosongan perjawatan.
2. Hanya calon dari Sabah sahaja yang dibuat penempatan bagi guru baharu.
3. Membawa sebanyak mungkin guru dari Semenanjung untuk balik ke Semenanjung bagi setiap kali pertukaran guru dilaksanakan.
4. Tiada kelulusan guru dari Semenanjung yang diluluskan bertukar ke Sabah kecuali bagi kes mengikut pasangan di negeri Sabah.
5. Lantikan guru interim dalam kalangan calon dari Sabah bagi mengisi kekosongan perjawatan sedia ada.
6. Pengambilan guru baharu kelahiran Sabah secara pasaran terbuka (*open market*). Pelantikan guru baharu dalam kalangan calon *open market* masih tertakluk kepada syarat skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang sedang berkuat kuasa.

SOALAN (104)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27 JULAI 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK
[SEREMBAN]

SOALAN :-

YB Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan **secara terperinci senarai pemaju serta projek perumahan mereka yang diberikan "Extension of Time" (EOT) oleh pihak Kementerian sejak 2013** serta **projek-projek yang masih belum disiapkan.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2014 sehingga 30 Jun 2017, Jabatan telah menerima sebanyak **441 permohonan EOT.** Dari jumlah tersebut sebanyak **354** permohonan diluluskan termasuk kelulusan bersyarat manakala baki **87** permohonan telah ditolak. Kesemua permohonan ini dipertimbangkan di bawah **Peraturan 11(3) (Keputusan Pengawal Perumahan untuk meminda peruntukan kontrak jualan)** dan **Peraturan 12 (Rayuan kepada Menteri).** Memandangkan permohonan ini adalah dikemukakan pada tahun 2014 bagi pemajuan yang baru (tempoh siap di antara 24 bulan hingga 36 bulan mengikut jenis pemajuan) maka hampir semua pemajuan ini adalah masih di dalam pembinaan atau akan siap pada atau selepas tahun 2018 setelah mengambilkira pelanjutan tempoh yang diberikan:

i) **Peraturan 11(3) (Keputusan Pengawal Perumahan untuk meminda peruntukan kontrak jualan)**

Sebanyak **416** permohonan telah dipertimbangkan di bawah **Peraturan 11(3)** di mana sebanyak **338** permohonan telah **diluluskan** manakala **78** permohonan lagi telah **ditolak.** Permohonan-permohonan yang diluluskan di bawah Peraturan 11(3) majoritinya adalah terdiri daripada **projek yang masih belum dijual** selain membabitkan projek-projek yang ditimpa bencana alam seperti banjir pada tahun 2014.

ii) **Peraturan 12 (Rayuan kepada Menteri)**

Manakala di bawah Peraturan 12 (Rayuan kepada Menteri), sebanyak **25** permohonan telah diproses di mana sebanyak **3** permohonan **diluluskan tanpa syarat**, **4** permohonan **diluluskan dengan syarat persetujuan pembeli** dan **9** permohonan **diluluskan dengan syarat memaklumkan pembeli**. Baki **9** permohonan lagi telah **ditolak.**

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

SOALAN NO: 105

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY [KAPAR]**
TARIKH	:	**27 JULAI 2017**
SOALAN	:	**105**

YB Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) apakah perkembangan dan status mengenai warta tanah berkenaan pembinaan hospital di Parlimen Kapar. Apakah kekangan dan halangan yang dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan untuk memulakan pembinaan Hospital di Parlimen Kapar; dan

(b) apakah perkembangan dan status terkini mengenai proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar Baru yang akan menggantikan Klinik Kesihatan Lama di bawah RP3, RMK-10. Bilakah Kerajaan Pusat berhasrat untuk memulakan penambahbaikan ini dan anggaran tarikh penyelesaian projek ini.

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memanjangkan permohonan mendapatkan laporan pengesahan status tanah kepada JKPTG Negeri Selangor pada 20 April 2017. Berdasarkan surat JKPTG Selangor bertarikh 7 Jun 2017, pihaknya mengesahkan bahawa tanah masih dimiliki oleh Sime Darby. Sehubungan dengan itu, KKM hanya boleh mengemukakan permohonan pemberimilikan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) setelah urusan penyerahan tanah tersebut oleh Sime Darby kepada Kerajaan Negeri selesai.

(b) Tawaran tender bagi Projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Kapar, Klang, Selangor telah dibuka pada 27 Mac 2017 dan ditutup pada 18 April 2017. Surat Setuju Terima dijangka akan dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) kepada petender yang berjaya pada 25 Julai 2017. Kerja-kerja dijadualkan dimulakan di tapak pada 25 Ogos 2017 dengan tempoh penyiapan selama 3 tahun (25 Ogos 2020).

SOALAN NO: 106

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB PUAN TEO NIE CHINGG

TARIKH: 27 JULAI 2017

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

a) Jumlah kemalangan maut tempat kerja telah berlaku di tapak pembinaan *Forest City* yang beralamat Tanjung Kupang, Gelang Patah

b) Kontraktor yang terlibat dan tindakan yang telah diambil terhadap kontraktor yang terlibat.

PR-1352-L(5)00004

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) komited dalam memastikan tempat kerja di tapak bina adalah selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan dengan menguatkuasakan Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139) dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).

2. Pembinaan *Forest City* yang beralamat di Tanjung Kupang, Gelang Patah bermula pada tahun 2015. Sepanjang pembinaan terdapat 3 kemalangan maut iaitu satu (1) kemalangan maut pada tahun 2015 dan dua (2) kemalangan maut pada bulan Julai 2017.

3. Untuk kemalangan yang berlaku pada tahun 2015, pihak polis telah mengklasifikasikan kes sebagai kemalangan lalu lintas. Manakala dua lagi kemalangan yang berlaku pada bulan Julai 2017, pihak JKKP telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis larangan.

4. Kontraktor yang terlibat kemalangan pada 10 Julai 2017 adalah *JBB Buiders* (M) Sdn Bhd dan pada 11 Julai 2017 adalah *China Construction Third Engineering Group* (M) Sdn Bhd. Kedua-dua kes ini masih dalam siasatan, sesi rakaman keterangan percakapan saksi masih diteruskan.